


Jilid II
Bil. 61



Hari Isnin
29hb November, 1976

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 6317]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1977:

Jawatankuasa (Hari Kesebelas)—

Jadual—

Kepala B. 32, B. 33, B. 34, B. 35 dan B. 36 [Ruangan 6334]

Kepala B. 37 [Ruangan 6382]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 6332]

Anggaran Pembangunan, 1977:

Jawatankuasa (Hari Kesebelas)—

Kepala P. 32, P. 35 dan P. 67 [Ruangan 6334]

Kepala P. 37 [Ruangan 6382]

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Hari Raya Haji [Ruangan 6382]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ **Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).**

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

„ **Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).**

„ **Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).**

„ **Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).**

„ **Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**

„ **Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**

„ **Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).**

„ **Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).**

„ **Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).**

„ **Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Kuala Langat).**

„ **Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).**

„ **Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).**

„ **Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).**

„ **Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).**

„ **Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).**

„ **Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).**

„ **Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).**

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATUK HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jejebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).**
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, **TUAN LUHAT WAN (Baram)**
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, **TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).**
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, **TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).**
- „ **TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).**
- „ **TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).**
- „ **TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).**
- „ **TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).**
- „ **TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN (Kemaman).**
- „ **DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).**
- „ **TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).**
- „ **TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).**
- „ **DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).**
- „ **TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).**
- „ **PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).**
- „ **TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).**
- „ **TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).**
- „ **PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).**
- „ **TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).**
- „ **TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).**
- „ **TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).**
- „ **TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).**
- „ **TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).**
- „ **TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).**
- „ **TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).**
- „ **DR CHEN MAN HIN (Seremban).**
- „ **TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).**
- „ **TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).**
- „ **TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).**
- „ **PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).**
- „ **TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).**
- „ **TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).**
- „ **TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).**
- „ **TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).**
- „ **TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).**
- „ **TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).**

- Yang Berhormat DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).

- Yang Berhormat TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibul).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Isnin, 29hb November, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

RUKUN TETANGGA

1. Tuan Au How Cheong (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau sedar bahawa ramai penduduk kampung-kampung baru sebagai ahli Rukun Tetangga telah tidak dapat menunaikan kewajipan dengan baiknyanya, kerana didapati tidak terkawal dan merosakkan alatan yang dibekalkan semasa berkawal. Jika sedar apakah tindakan yang telah diambil.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat adalah terlalu umum. Saya harap Ahli Yang Berhormat dapat memberitahu Jabatan Perdana Menteri, kampung-kampung baru yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum sebagai satu pertubuhan yang bertujuan membawa cara pemikiran yang baru bagi seluruh lapisan rakyat sudah semestinya menghadapi berbagai masalah dan kekurangan. Saya juga yakin bahawa Ahli Yang Berhormat tentu bersetuju dengan saya iaitu urusan mengendali dan melibatkan seluruh tenaga penduduk yang terdiri dari berbilang kaum, darjat dan pekerjaan bukanlah satu perkara yang mudah dilaksanakan oleh sesiapa jua pun. Di samping itu Ahli-ahli Jawatankuasa yang melaksanakan tugas di sektor Rukun Tetangga adalah terdiri dari penduduk-penduduk setempat yang ber-

khidmat secara part-time mengorbankan masa dan tenaga mereka. Walau bagaimanapun pada keseluruhannya, rakyat telah menyambut baik rancangan ini dan saya rasa puashati tentang pelaksanaan sekim Rukun Tetangga sehingga hari ini.

Sungguhpun demikian ada juga kawasan-kawasan yang tidak berjalan dengan sebaik-baiknya terutama di dalam peringkat awal pelaksanaan. Kawasan-kawasan ini kemudiannya mencapai kemajuan dan merasai faedah-faedah seperti yang terdapat di sektor-sektor lain setelah mereka sendiri mengatasi masalah dalam cabaran-cabaran tersebut dengan mengamalkan semangat bermaufakat, bermusyawarah serta mengamalkan prinsip-prinsip muhibbah, kebijaksanaan dan tolak ansur. Tindakan akan diambil oleh Jawatankuasa sektor Rukun Tetangga berkenaan apabila terdapat kejadian-kejadian merosakkan hartabenda dan alat-alat yang dibekalkan kepada ahli-ahli Rukun Tetangga yang membuat rondaan atau kawalan. Setahu saya bilangan alat perkakas yang dirosakkan di waktu berkawal terlalu kecil.

LEMBAGA URUSAN DAN TABUNG HAJI—TAMBANG KE MEKAH

2. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa tambang kapal haji ke Mekah yang diuruskan oleh Lembaga Urusan Tabung Haji adalah lebih mahal daripada tambang setengah-setengah kapal terbang yang lain untuk penerbangan yang sama jauhnya atau lebih jauh daripada penerbangan ke Mekah, dan dengan kerana itu ada di antara bakal-bakal haji yang sanggup pergi ke negeri jiran untuk mendapatkan tambang yang lebih murah untuk pergi ke Mekah, dan jika sedar, adakah Lembaga Urusan Tabung Haji akan mengkaji semula kadar tambang kapal-terbang di bawah urusannya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Senator Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa tambang kapalterbang biasa dari Kuala Lumpur ke Jeddah dan balik mengikut kadar I.A.T.A. (International Air Travel Agreement) adalah sebanyak \$4,134 (\$1,567 kali dua perjalanan). Sebaliknya pula tambang kapalterbang Charter Haji yang dikendalikan oleh MAS dan Syarikat Penerbangan Saudi (SAUDI) bagi penerbangan dari Kuala Lumpur ke Jeddah dan balik adalah sebanyak \$2,125. Ini bermakna tambang kapalterbang haji adalah lebih murah daripada tambang kapalterbang biasa sebanyak lebih kurang \$2,009. Di samping itu, saya suka menjelaskan bahawa oleh kerana penerbangan haji ini adalah penerbangan khas (chartered flight) terdapatlah beberapa perbezaan dari segi jarak jauh perjalanan dan juga tambang. Kapalterbang ini bertolak dari Kuala Lumpur ke Jeddah dengan membawa penumpang penuh dan kerana ianya suatu penerbangan yang khas, maka terpaksa balik ke Kuala Lumpur tanpa membawa penumpang-penumpang. Apabila musim haji telah selesai maka kapalterbang itu akan pergi ke Jeddah tanpa penumpang untuk menjemput jemaah haji balik ke Kuala Lumpur. Dengan ini jarak jauh yang dilakukan oleh kapalterbang khas untuk membawa penumpang adalah bagi perjalanan-perjalanan dari Kuala Lumpur/Jeddah dan Jeddah/Kuala Lumpur dan sekali lagi dari Kuala Lumpur/Jeddah dan Jeddah/Kuala Lumpur iaitu berjumlah sejauh 21,850 batu dan tambang yang dikenakan adalah sebanyak \$2,125. Jika dibandingkan dengan penerbangan biasa dari Kuala Lumpur ke London dan London/Kuala Lumpur, jarak jauhnya ialah 17,068 batu iaitu penerbangan pergi dan balik. Tambang yang dikenakan untuk dua penerbangan ini ialah sebanyak \$3,134 mengikut kadar (I.A.T.A.).

Saya sedar bahawa tambang setengah-setengah kapalterbang adalah murah daripada tambang yang dikenakan oleh Tabung Haji tetapi tidaklah wajar kita membuat perbandingan yang demikian. Ini disebabkan kapalterbang-kapalterbang itu menerima penumpang-penumpang ke Jeddah hanyalah dari Singapura. Untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan tersebut penumpang-penumpang terpaksa pergi ke Singapura dan menaiki kapalterbang tersebut terus ke Jeddah. Negara-negara jiran tidaklah dapat

menggunakan kemudahan-kemudahan ini untuk menunaikan haji kerana mereka juga dikehendaki menggunakan kapalterbang yang dikendalikan oleh penerbangan negara itu sendiri berserta dengan penerbangan Saudi iaitu penerbangan haji yang rasmi. Apabila dibandingkan penerbangan rasmi negara-negara jiran dengan penerbangan haji bagi Malaysia, tambang yang dikenakan kepada bakal-bakal haji adalah setanding. Lembaga Urusan dan Tabung Haji dan Kerajaan senantiasanya mengkaji kemudahan-kemudahan dan membuat penyiasatan-penyiasatan dari masa ke masa dan oleh yang demikian Kerajaan tidak akan sekali-kali menganjurkan penerbangan haji melalui jalan-jalan tidak rasmi kerana risikonya adalah sangat berat. Patut juga diingatkan bahawa kapalterbang Boeing 707 boleh memuatkan 186 orang penumpang, tetapi memikirkan keselamatan dan barang-barang yang dibawa oleh jemaah-jemaah haji lebih daripada berat yang ditetapkan iaitu 20 kilo bagi seorang maka jumlah penumpang yang dimuatkan dalam satu penerbangan hanya 156 orang sahaja, ini bererti akan melibatkan juga tambang.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar oleh kerana Tabung Haji tidak membenarkan pada pihak swasta menguruskan pemergian bakal-bakal haji ke Mekah melalui Malaysia, maka pihak swasta ini mengadakan perkhidmatan mereka melalui Singapura dengan memberi tambang yang jauh lebih murah daripada apa yang ditetapkan oleh Tabung Haji. Oleh yang demikian, banyak juga di antara rakyat Malaysia pada tahun ini yang berdaftar dengan Tabung Haji dan menarik diri langsung pergi melalui Singapura kerana mereka itu nampak tambang yang lebih murah. Kalau sedar, apakah tindakan selanjutnya mengenai perkara ini.

Senator Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, kita sedar ada beberapa jemaah haji kita, tidaklah ramai seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu pergi menunaikan fardhu haji ke Mekah melalui Singapura di bawah pentadbiran usaha swasta. Tetapi sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi bahawa risikonya terlalu berat dan tanggungjawabnya tidak dapat dilepaskan oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji manakala mereka itu

pergi dan berada di Mekah. Maka adalah lebih baik bagi rakyat Malaysia yang hendak pergi ke Mekah menunaikan fardu haji, mengutamakan urusan pentadbiran haji ini dari negara mereka sendiri oleh kerana kalau berlaku sesuatu yang mengecewakan mereka di dalam perjalanan akibatnya akan mereka terima sendiri dan kalau sekiranya mereka menunaikan fardu haji menerusi agensi yang kita telah tubuhkan maka kita adalah bertanggungjawab bagi keselamatan mereka di sini dan juga di Mekah.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Soalan tambahan. Oleh kerana apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tadi apabila bakal-bakal haji kita pergi ke Mekah melalui Singapura ataupun tegasnya tidak melalui pihak Tabung Haji, maka risikonya amat berat. Adakah pihak Tabung Haji ataupun pihak Kementerian yang berkenaan bercadang pada tahun-tahun hadapan ini akan menutup ataupun tidak membenarkan langsung rakyat kita yang hendak pergi ke Mekah tidak melalui Tabung Haji.

Senator Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, perkara itu akan disemak dari satu masa ke satu masa dan kita bertanggungjawab di atas rakyat kita sendiri.

KAPAL HAJI "MALAYSIA KITA" DAN "MALAYSIA RAYA"

3. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Perdana Menteri menyatakan berapa buahkah kapal haji Malaysia terbakar dan apa kesan terhadap pelayaran Jemaah Haji ke Mekah. Berapa banyakkah Jemaah Haji Malaysia tahun ini dan kenapakah ianya merosot jika dibandingkan dengan tahun-tahun lalu. Apakah peranan Lembaga Urusan dan Tabung Haji dalam hal ini.

Senator Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dua buah kapal haji iaitu kapal yang dinamakan "Malaysia Kita" telah terbakar pada tahun 1974 dan sebuah lagi yang dinamakan "Malaysia Raya" telah terbakar pada bulan Ogos, 1976. Dan perlu ditegaskan bahawa Kapal Haji tersebut adalah kepunyaan Syarikat G.M.L. dan LUTH (Lembaga Urusan dan Tabung Haji) tidak mempunyai apa-apa

saham di dalamnya selain dari perjanjian di antara LUTH dengan G.M.L. tentang pengangkutan Jemaah Haji dari Malaysia ke Jeddah dan pulang ke Malaysia.

Saya juga suka memaklumkan di sini bahawa kebakaran kapal-kapal tersebut tidak membawa apa-apa kesan terhadap pelayaran Jemaah-jemaah Haji kita ke Mekah. Bagi tahun ini semua Jemaah-jemaah Haji yang telah dijadualkan bertolak dengan kapal "Malaysia Raya" telah berlepas dengan kapal "Eastern Queen" (Ratu Timur) pada masa yang telah ditetapkan. Di masa hadapan sekiranya terdapat ramai bakal-bakal haji yang hendak menunaikan Fardhu Haji dan sebuah kapal adalah tidak mencukupi, Lembaga Urusan dan Tabung Haji akan menyewa kapal-kapal lain daripada Syarikat-syarikat Perkapalan yang sanggup mengangkut Jemaah-jemaah Haji Malaysia.

Bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat itu telah dijawab di Dewan ini beberapa kali iaitu pada 5-7-1976 ketika menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Ledang, pada 13-7-1976, Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat, pada 19-7-1976 Ahli Yang Berhormat dari Tumpat, pada 3-11-1976 Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas. Oleh kerana itu, saya tiada apa-apa lagi untuk menambah.

Tuan Yang di-Pertua: Apakah nama penuh bagi G.M.L. itu?

Senator Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah: Great Malaysia Line.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

PENCEMARAN MINYAK DI SELAT MELAKA

4. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) bagaimanakah seriusnya kerosakan terhadap nelayan-nelayan dan ekoloji marine selepas peristiwa Diego Silang;
- (b) samada Kerajaan Malaysia telah menuntut ganti rugi daripada tuanpunya kapal tersebut berdasarkan kerosakan yang terjadi; dan
- (c) langkah-langkah yang sedang dirancang dan telah diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi atau mengurangkan kejadian seumpama itu.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat di atas minatnya mengenai perkara ini dan inginlah saya memaklumkan bahawa kerosakan ke atas persekitaran laut memanglah tidak dapat dielakkan. Kerosakan ini telah dianggarkan dengan bantuan Jabatan Perikanan dan jumlah ini telah diambil kira di dalam tuntutan ganti rugi kita yang telah dikemukakan kepada tuanpunya kapal "Diego Silang". Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya pada masa ini sedang mengadakan rundingan dengan pihak insuran dan tuanpunya kapal tersebut. Oleh kerana rundingan ini masih lagi berjalan, saya dapati tidak wajar bagi saya memberi penjelasan yang lebih lanjut mengenai perkara ini.
- (b) Rundingan mengenai tuntutan ganti rugi kita telah dijalankan di antara wakil-wakil insuran kapal pengangkut minyak Filipina dengan Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya pada bulan September yang lalu. Detil-detil mengenai tuntutan ganti rugi sekarang ini berada dengan pihak insuran kapal tersebut yang sedang mengkaji dokumen tersebut dengan lebih lanjut di London. Mereka adalah dijangkakan kembali ke Kuala Lumpur pada bulan Disember untuk mengakhiri rundingan ini.
- (c) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum Rancangan Kontijensi Kebangsaan untuk mengawal dan mencegah pencemaran minyak di Selat Melaka telah diluluskan oleh Jemaah Menteri dan Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya pada masa ini sedang dalam proses untuk memperolehi alat-alat yang diperlukan. Pada peringkat kami bercadang untuk mendapatkan alat-alat yang minima pada awal tahun hadapan dalam mana kita akan mengadakan kemampuan yang sederhana untuk menghadapi sebarang tumpahan minyak. Untuk tujuan ini tender-tender telahpun dipelawa untuk pembekalan alat-alat pencegah pencemaran iaitu "boons", "skimmers" dan "barges". Bagi mengurangkan kemungkinan kejadian seperti pelanggaran di Selat Melaka, Kerajaan melalui Kementerian

Perhubungan telah merangkakan satu rancangan pemisahan lalulintas (Traffic Separation Scheme) untuk kapal-kapal menggunakan Selat Melaka.

Rancangan ini masih dalam peringkat perbincangan antara tiga-tiga negara berhampiran dengan Selat itu.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahya: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan siapakah yang akan menikmati ganti rugi ini kelak jikalau ganti rugi itu berupa wang. Adakah ganti rugi ini dinikmati oleh pihak Kerajaan ataupun kepada nelayan-nelayan yang berkenaan dan jikalau kepada nelayan-nelayan berkenaan, bagaimanakah cara memberi ganti rugi.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, tuntutan ganti rugi ini boleh dibahagi kepada dua bahagian, sebahagian daripadanya ialah perbelanjaan untuk mengatasi pencemaran di laut kita dan sebahagian lagi untuk ganti rugi kepada kerosakan alam sekitar. Bagaimanapun itu masih dalam rundingan antara Kerajaan dengan tuanpunya kapal dan kalau kita mendapat sebahagian daripada ganti rugi itu ianya akan digunakan untuk memajukan nelayan-nelayan di dalam negara kita.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkenaan dengan tumpahan minyak oleh Kapal Diego Silang ini telah dua kalilah Selat Melaka kita dicemari oleh tumpahan minyak. Pertama kali kapal tangki minyak dari Jepun yang bernama Showa Maru. Adakah Kerajaan bercadang pada masa hadapan mana-mana kapal yang menyebabkan pencemaran di Selat Melaka akan ditahan sehingga mereka menyelesaikan segala tanggung mereka terhadap pencemaran itu.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan ini saya ingat rakan saya Yang Berhormat Peguam Negara telah menjawabnya dengan panjang lebar. Jadi, saya tidak hendak menambah apa-apa lagi kepada apa yang disebutkan oleh beliau.

Tuan Hishamuddin bin Yahya: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengetahui lebih lanjut iaitu jikalau wang

gantirugi ini telah diperolehi, cara pemberian-nya itu adakah Kerajaan mengambil dahulu harga perbelanjaan Kerajaan atau diberi kepada nelayan dahulu, kemudian baru Kerajaan ambil jikalau ada lebihnya. Yang mana dahulu diberi samada nelayan atau perbelanjaan Kerajaan?

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, di mana kita mendapat tuntutan daripada nelayan-nelayan kita akan menimbangkan patut atau tidak gantirugi itu diberi kepada mereka.

TALIPINGGANG KERETA

5. Wan Sulaiman bin Haji Ibrahim (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada terdapat sebarang rancangan untuk mengadakan suatu undang-undang bagi memastikan pemakaian talipinggang keselamatan dalam kereta.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat, ya, memang ada rancangan untuk mengadakan undang-undang bagi mewajibkan pemakaian talipinggang keselamatan am dalam kereta. Perkara ini masih di dalam kajian.

STESYEN MICROWAVE DI CHEROK TOK KUN, BUKIT MERTAJAM

6. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perhubungan menyatakan bilakah agaknya penanam-penanam padi yang mana tanah-tanah mereka dirosakkan disebabkan pembinaan Stesyen Microwave di Cherok Tok Kun, Bukit Mertajam itu akan dibayar wang saguhati yang telah dijanjikan kepada mereka kerana perkara ini telah tertangguh sejak tahun 1974.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, Stesyen Microwave di Bukit Mertajam terletak di atas Bukit Tok Kun dan tapak itu adalah tanah Kerajaan Negeri dan hutan simpanan. Jalan masuknya (approach road) telah dibina oleh Jabatan Kerjaraya bagi Jabatan Talikom setakat ini Jabatan Talikom berasa kesal oleh sebab ia tidak sedar

samada kawasan-kawasan persendirian ataupun kawasan-kawasan tanah padi yang telah termusnah atau rosak disebabkan oleh pembangunan projek tersebut dan juga tidak menyedari bahawa penanam-penanam padi tersebut telah dijanjikan dengan wang saguhati. Walau bagaimanapun, jika sekiranya ada kerosakan berlaku ke atas tanaman padi tersebut, pada biasanya tuntutan wang ganti rugi dikemukakan kepada Pegawai Daerah kawasan itu dan beliau akan menyiasat perkara tersebut selanjutnya dan jika tuntutan itu benar (justified), tindakan boleh diambil supaya tuntutan tersebut dibayar. Tanggungan kewangan untuk tuntutan ganti rugi itu akan dikenakan kepada projek tersebut.

PELAN INDUK KUALA LUMPUR

7. Tuan Shamsuri bin Md. Salleh (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan samada pihak Bandaraya yang bertanggungjawab mentadbirkan Wilayah Persekutuan ini mempunyai pelan tiap-tiap kawasan dan kedudukan rumah-rumah di dalam sekitar bandar Kuala Lumpur dan bilakah pelan induk kawasan Kuala Lumpur ini dapat disebarkan untuk pengetahuan umum dan bilakah pelan induk ini boleh disiapkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bandaraya tidak mempunyai pelan bagi tiap-tiap kawasan dan kedudukan rumah-rumah di Wilayah Persekutuan yang luasnya 94 batu persegi. Dewan Bandaraya memang bercadang untuk mengkaji semula pelan induk yang telah disediakan dalam tahun 1964 dan dikuatkuasakan dalam bulan September, 1970 yang didapati tidak sesuai lagi dengan keadaan sekarang. Walau bagaimanapun, bidang-bidang tugas bagi projek mengkaji semula dan menyediakan pelan induk yang meliputi seluruh kawasan 94 batu persegi sudahpun dirangka dan adalah diharapkan sebaik-baik sahaja kakitangan dilantik, kerja akan dapat dimulakan pada awal tahun 1977. Untuk maksud mengkaji dan menyediakan pelan induk baru ini wang sebanyak \$1 juta telahpun disediakan. Penggambaran dari udara untuk projek ini sedang dijalankan oleh Jabatan Ukur dan dianggarkan mereka menelan belanja sebanyak lebih kurang \$1.5 juta. Buat masa sekarang kita menggunakan Jawatankuasa Perancangan

Bandaraya di Dewan Bandaraya yang mengadakan mesyuarat tiap-taip minggu yang dianggotai oleh pegawai Perancang Dewan Bandaraya, Akitek, Jurutera dan JKR serta Pejabat Tanah dan Galian dan lain-lain.

BUKU TEKS KARANGAN SAMAD ISMAIL

8. Tuan Au How Cheong (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan ada atau tidak karangan Samad Ismail yang digunakan di sekolah seperti buku teks dan sebagainya. Jika ada, apakah langkah yang diambil supaya buku-buku ini tidak merosakkan fikiran rakyat di masa depan agar arus perjuangan negara berjalan dengan lancar.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, tidak ada buku karangan Samad Ismail yang dijadikan buku teks di sekolah-sekolah. Mengenai buku-buku selain daripada buku teks, pilihannya adalah atas kebijaksanaan sekolah-sekolah. Adalah dimaklumkan bahawa sebaiknya sahaja Kerajaan menentukan buku-buku karangan Samad Ismail yang "merosakkan fikiran rakyat", Guru-guru Besar akan diberitahu supaya tidak menggunakan buku-buku tersebut disekolah-sekolah.

PAKAIAN SERAGAM JURURAWAT

9. Tuan Lukman bin Abdul Kadir minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah benar Kerajaan sedang menimbangkan untuk menukarkan Pakaian Seragam Jururawat-jururawat yang ada sekarang ini kepada pakaian yang lebih sesuai mengikut pandangan Islam. Kalau benar, bila dan kalau tidak, kenapa dan mengapa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Jawan anak Empaling): Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kesihatan telahpun memberikan jawapannya kepada soalan yang hampir sama di Dewan Negara pada 14hb April, 1975 iaitu pada masa sekarang Kementerian Kesihatan tidak akan mengubah pakaian seragam Jururawat-jururawat kerana pakaian seragam ini adalah sesuai dari segi kebudayaan dan agama rasmi negara ini.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin meminta penjelasan sedikit daripada Yang

Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan. Daripada jawapannya tadi pakaian seragam yang ada sekarang ini adalah sesuai dari segi ugama dan kebudayaan. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan dari segi kebangsaan mana dan ugama mana?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bertanya bentuk pakaian!

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Pakaian.

Tuan Jawan anak Empaling: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Ahli Yang Berhormat itu ada cadangan yang tertentu bolehlah sampaikan kepada Kementerian saya untuk diperbincangkan di antara Kementerian dengan Persatuan Jururawat.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahya: Soalan tambahan. Berdasarkan opinion manakah Setiausaha Parlimen berkenaan mengatakan bahawa pakaian jururawat sekarang ini adalah sesuai dengan ugama dan kebudayaan nasional.

Tuan Jawan anak Empaling: Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri pun tidak tahu apa yang sesuai, tetapi begitulah seperti kata saya tadi jika Ahli Yang Berhormat itu ada fikiran lain atau ada fikiran yang lebih baik lagi bolehlah sampaikan kepada Kementerian saya untuk diperbincangkan di antara Kementerian saya dan Persatuan Jururawat.

Tuan Mohd. Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang di-Pertua, kalau tak salah pendengaran saya bahawa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah mengatakan bahawa didapati bentuk pakaian jururawat sekarang ini sesuai dengan ugama dan kebudayaan. Sekiranya apa yang saya telah dengar itu salah ataupun salah keluar dari mulut Yang Berhormat itu mungkin dapat kita selesaikan sekarang samada tarik-balik apa yang dikatakan itu tadi. Tetapi sekiranya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen masih berpegang bahawa apa yang dikatakan itu benar iaitu pakaian yang terdapat sekarang ini sesuai dengan ugama dan kebudayaan nasional kita, barangkali apa yang telah dikeluarkan tadi alasan dari segi yang memperkuat apa yang dikatakan itu patutlah diterangkan di sini.

Tuan Yang di-Pertua: Rasa saya apa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebut tadi begitulah saya dengar, tetapi Yang Berhormat

Setiasusaha Parlimen sendiri telah mengatakan tidak tahu. Kalau ada sesiapa hendak mengesyorkan boleh dibawa pengesyoran bagaimana bentuk pakaian yang baik, elok atau tak elok supaya dirundingkan di antara Kementerian dengan Nurses' Union.

Tuan Mohd. Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Jadi, apa yang dikatakan tadi bukan itu yang dimaksudkan, tetapi dia tersalah kata dan bukan dia berpendapat dan berfikiran seperti begitu.

Tuan Yang di-Pertua: Kita harap masing-masing fikir begitulah.

POLIS MERIN DI KEMAMAN

10. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan sebuah pengkalan Polis Laut di Pantai Bachok, Kelantan bagi memberi kemudahan pertolongan atau perlindungan kepada Nelayan-nelayan Laut dalam sebarang kecemasan terutama dari Lanun-lanun. Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, mengikut rancangan, sebuah pengkalan Polis Merin akan dibina di Kemaman, Trengganu bagi mengawal dan mengawasi perairan pantai di kawasan Pantai Timur, Semenanjung Malaysia dan sebuah Pengkalan Kecil juga dicadangkan di Pengkalan Kubor, Kelantan.

Mengikut siasatan pantai Bachok adalah didapati tidak sesuai sebagai tempat untuk pengkalan Polis Merin dalam beberapa segi.

JALANRAYA DI SARAWAK

11. Tuan Ting Ling Kiew minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan bilakah bahagian-bahagian Jalanraya Besar di antara Daerah-daerah Mukah dan Bintulu, di antara Miri dan Baram serta daerah-daerah Baram dan Limbang/Lawas, akan dibina dan disiapkan.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Bintulu bagi pihak Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemu-

dahan Awam, saya ingin memaklumkan bahawa pembinaan jalan-jalan yang dimaksudkan itu adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri Sarawak. Walau bagaimanapun, saya telah diberitahu bahawa bahagian-bahagian jalanraya di antara Ulu Mukah dengan Bintulu sedang di dalam pembinaannya pada masa sekarang dan dijangkakan akan disiapkan menjelang akhir tempoh Rancangan Malaysia Ketiga. Jalan di antara Miri dan Baram juga sedang di dalam pembinaan sekarang dan dijangka setengah bahagian jalan tersebut akan disiapkan pada akhir Rancangan Malaysia Ketiga dan keseluruhannya projek tersebut akan disiapkan dalam Rancangan Malaysia Keempat. Kerajaan Negeri Sarawak buat masa ini belum lagi ada rancangan membina jalan antara Baram dan Limbang Lawas. Walau bagaimanapun, projek jalan antara Lawas dan Sindumin di Sabah yang sedang dijalankan sekarang dijangka akan disiapkan dalam tahun 1978.

SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN YUK CHOY, IPOH

12. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah beliau sedar bahawa bangunan sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Yuk Choy (Jalan Hugh Low, Ipoh) sedang berada dalam keadaan kopak-kopik dan akan runtuh pada bila-bila masa sahaja dan kawasan sekolah itu adalah kawasan banjir. Jika benar, adakah tindakan yang akan diambil.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, barangkali Ahli Yang Berhormat itu adalah ketinggalan sedikit dengan masa pembangunan oleh kerana Jalan Hugh Low itu sudah lama ditukar kepada Jalan Sultan Iskandar, Ipoh.

Jawapan kepada soalan pokok, saya tidak sedar akan perkara yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Setahu saya, sekolah yang berkenaan masih di dalam keadaan yang baik dan tidak langsung menghadapi masalah banjir.

KAPAL DAGANG MALAYSIA

13. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar bahawa Malaysia masih belum dapat mencapai kejayaannya dalam bidang

perkapalan juga kekurangan kapal-kapal dagang kepunyaan Malaysia sendiri bagi mengangkut barang-barang dagangan Negara ini ke luar Negeri dan berapa lamakah lagi Malaysia bergantung kepada Syarikat-syarikat perkapalan asing di Negara.

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, industri perkapalan adalah suatu bidang industri yang sedang berkembang di negara ini dan kejayaannya yang dicapai setakat ini terutama oleh M.I.S.C. adalah menggalakkan. Jika Ahli Yang Berhormat berpendapat masih terdapat kekurangan kapal kepunyaan Malaysia, ini adalah sebab pelaburan yang diperlukan dalam bidang perkapalan adalah besar dan resikonya juga besar.

GALAKAN PERDAGANGAN

14. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan semenjak pelancaran Rancangan Malaysia Ketiga dan galakan perdagangan yang dianjurkan baru-baru ini di Eropah dan Amerika oleh Perwakilan Perdagangan kita, adakah permohonan bagi Pelaburan Perindustrian telah bertambah jika dibandingkan dengan tahun 1974 dan 1975.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, semasa tempoh sembilan bulan sejak pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga dari bulan Januari tahun ini, sejumlah 310 permohonan telah diterima untuk menubuhkan berbagai jenis projek perusahaan. Dalam tempoh-tempoh yang sama antara tahun 1974 dan 1975, bilangan permohonan yang diterima adalah masing-masing 507 dan 338. Mengikut bandingan, bilangan permohonan yang diterima dalam tahun 1976 menunjukkan kejatuhan 39% di samping tahun 1974 dan hanya 8% di samping tahun 1975. Begitu juga, bilangan permohonan yang diterima daripada sumber-sumber asing telah merosot sedikit dari 220 dalam tahun 1974 dan 140 dalam tahun 1975 ke 133 dalam tahun 1976, bagi tempoh 9 bulan yang sama.

Jelas dari angka-angka yang tersebut di atas bahawa tidak ada tambahan permohonan jika dibandingkan angka-angka pelaburan di antara tahun 1976 dengan tahun 1974 dan 1975. Ini adalah kerana angka bagi tahun 1974 adalah angka yang lebih besar daripada biasa memandang kepada kenyataan bahawa

tahun 1974 adalah tahun perlambungan (boom year) di waktu mana kegiatan-kegiatan ekonomi adalah sungguh pesat.

Ahli Yang Berhormat mungkin bersetuju bahawa adalah terlalu awal di kala ini untuk mentadsirkan kesan-kesan misi anjuran ke Eropah dan Amerika, mengenai permohonan. Misi ke Eropah berlaku dalam bulan September, tahun ini. Oleh itu, masanya sangat suntuk untuk pengusaha-pengusaha Eropah merumuskan rancangan yang konkrit untuk melabur di Malaysia. Misi ke Amerika telah berlepas hanya dalam awal bulan Oktober dan sambutan positif akan hanya diterima dalam beberapa bulan akan datang.

TAWARAN KONTREK "FAST STRIKE CRAFT"

15. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pertahanan memberi tahu tawaran-tawaran yang diterima oleh Kementerian Pertahanan untuk mendapatkan kontrek untuk membina empat buah kapal "Fast Strike Craft" untuk Tentera Laut Diraja Malaysia dengan memberi lingkungan harga-harga dan syarat-syarat yang ditawarkan oleh setiap penawar.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, maklumat-maklumat yang dikemukakan oleh sesebuah pembekal semasa membuat tawaran kepada Kerajaan adalah maklumat-maklumat yang diamanahkan oleh mereka kepada pihak Kerajaan semata-mata untuk membolehkan Kerajaan membuat pilihannya di atas tawaran-tawaran yang diterima. Atas sebab amanah tersebut saya tidak bercadang untuk menambahkan apa-apa maklumat selain daripada apa yang telah dinyatakan pada masa-masa yang telah sudah.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pada pukul 7.00 malam.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pada pukul 7.00 malam.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1977

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1977

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (26hb November, 1976).

Majlis Mesyuarat menjadi sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan* Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Dewan akan terus menyambung perbahasan berkenaan peruntukan bagi tahun 1977 dari segi Belanja Mengurus dan Pembangunan dan pada petang ini kita akan teruskan dengan Kementerian Kewangan. Sebelum saya menjemput Timbalan Menteri mengemukakan cadang beliau, saya suka hendak memberitahu Dewan bahawa selewat-lewatnya, saya bercadang hendak menjemput Yang Berhormat Menteri menjawab pada pukul 6.00 petang ini. Jika jawapan tidak panjang bolehlah kita minta Menteri Perusahaan Awam memulakan mengemukakan cadangan Menteriannya itu. Sekarang, saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan mencadang atau mengemukakan perbelanjaan atau peruntukan bagi Kementerian beliau. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

Kepala B. 32, B. 33, B. 34, B. 35 dan B. 36 (Jadual)

Kepala P. 32, P. 35 dan P. 67 (Anggaran Pembangunan, 1977)—

3.12 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Pengerusi, saya bangunan bagi pihak Kementerian saya untuk membentangkan Anggaran bagi Tahun 1977 di bawah kepala-kepala B. 32 hingga B. 36, Kepala-kepala P. 32, P. 35 dan P. 67 yang meliputi anggaran Jabatan-jabatan yang termasuk di bawah portfolio Kementerian Kewangan, dan saya mencadangkan supaya peruntukan yang berikut diluluskan:

(A) ANGGARAN BELANJA MENGURUS 1977

(i) Kepala B. 32—Perbendaharaan	\$ 19,482,900
(ii) Kepala B. 33—Perkhidmatan Am Perbendaharaan	99,322,820
(iii) Kepala B. 34—Peruntukan kepada Kumpulan Terkanun	368,020,000
(iv) Kepala B. 35—Kastam dan Eksais Di Raja	39,599,000
(v) Kepala B. 36—Jabatan Hasil Dalam Negeri	24,887,900

Jumlah (A) ... \$551,312,620

(B) ANGGARAN PEMBANGUNAN 1977

(i) Kepala P. 32—Perbendaharaan	\$206,100,010
(ii) Kepala P. 35—Kastam dan Eksais Di Raja	17,348,780
(iii) Kepala P. 67—Luar Jangka	200,000,000

Jumlah (B) ... \$423,448,790

Jumlah Besar (A+B) ... \$974,761,410

(A) ANGGARAN BELANJA MENGURUS

(i) Kepala B. 32—Perbendaharaan

Perbendaharaan memerlukan peruntukan sebanyak lebih kurang \$19.48 juta di bawah Kepala ini. Berbanding dengan peruntukan tahun 1976, iaitu \$17.84 juta, peruntukan yang diperlukan bagi tahun 1977 bertambah sebanyak lebih kurang \$1.64 juta. Peruntukan yang diperlukan adalah untuk Tajuk-tajuk berikut:

(a) Emolumen

Sebanyak \$14.45 juta adalah bagi bayaran gaji dan elaun. Ini menunjukkan tambahan sebanyak \$1.63 juta jika dibandingkan dengan peruntukan tahun 1976, iaitu sebanyak \$12.82 juta. Tambahan ini adalah disebabkan tambahan

beberapa jawatan baru, kenaikan gaji tahunan serta bayaran berbagai-bagai elaun.

(b) *Perkhidmatan dan Bekalan*

Sebanyak \$4.34 juta adalah bagi perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan iaitu berkurangan sebanyak \$0.02 juta jika dibandingkan dengan peruntukan tahun 1976 sebanyak \$4.36 juta.

Sebahagian besar dari peruntukan ini adalah untuk sewa ruangan pejabat iaitu lebih kurang \$1.19 juta. Ruangan pejabat bangunan-bangunan swasta masih perlu disewa kerana ruangan yang ada sekarang tidak mencukupi dan juga bangunan baru Perbendaharaan di Jalan Duta hanya dijangka siap pada penghujung tahun 1977. Lebih kurang \$0.99 juta dikhaskan di bawah Perjalanan dan Pengangkutan Orang memandangkan betapa perlu dan kerapnya pegawai-pegawai menjalankan tugas di luar dan di dalam negeri. Perbelanjaan yang lain di bawah Tajuk ini berjumlah \$2.16 juta.

(c) *Pemilikan Harta Modal*

Peruntukan sebanyak \$0.69 juta adalah dikehendaki di bawah Tajuk ini. Jika dibandingkan dengan peruntukan tahun 1976, iaitu sebanyak \$0.65 juta peruntukan bagi tahun 1977 adalah bertambah sebanyak \$0.04 juta. Tambahan ini adalah untuk menampung pembelian alat-alat dan perkakas pejabat, terutama bila pejabat ini berpindah ke bangunan baru kelak.

(ii) *Kepala B. 33—Perkhidmatan Am Perbendaharaan*

Peruntukan yang diperlukan di bawah Kepala ini ialah sebanyak \$99.32 juta iaitu berkurangan sebanyak \$111.93 juta jika dibandingkan dengan peruntukan tahun 1976 sebanyak \$211.25 juta.

Di antara perbelanjaan-perbelanjaan di bawah Kepala ini, sebanyak \$6.14 juta adalah untuk Perkhidmatan Iktisas dan lain-lain Perkhidmatan yang mengandungi perbelanjaan Perkhidmatan Rahsia untuk Kementerian dan Jabatan-jabatan lain sebanyak \$5.0 juta. Sebanyak \$68.45 juta adalah untuk Bayaran Pindahan yang termasuk bayaran bantuan Cukai Tempatan kepada Lembaga-lembaga Tempatan, Pemberian untuk Jalan

Raya, Pemberian Penyamaan Hasil kepada Negeri, Pemberian Tahunan kepada Negeri-negeri, bayaran Elaun dan Saguhati dan Bayaran Bantuan Bunga untuk Pinjaman Perumahan. Sebanyak \$4.5 juta adalah untuk sewa rumah Kerajaan Negeri yang diduduki oleh pegawai yang berkhidmat di Jabatan-jabatan Persekutuan, \$0.86 juta adalah untuk Perjalanan dan Pengangkutan Orang, \$1.55 juta untuk Tuntutan Insuran dan Pampasan, \$17.72 juta untuk Pulangbalik dan Hapuskira dan \$0.1 juta untuk Pelaburan dan Pinjaman.

(iii) *Kepala B. 34—Peruntukan kepada Kumpulanwang Terkanun*

Sebanyak \$368.02 juta adalah diperlukan di bawah Kepala ini. Berbanding dengan peruntukan tahun 1976 sebanyak \$283.02 juta, peruntukan untuk tahun 1977 adalah bertambah sebanyak \$85.0 juta. Peruntukan sebanyak \$368.02 juta ini adalah bagi Kumpulanwang-kumpulanwang berikut:

(a) *Kumpulanwang Cadangan untuk Negeri*

Sebanyak \$2.0 juta adalah diperlukan di bawah Kumpulanwang ini iaitu sama dengan peruntukan tahun 1976.

(b) *Kumpulanwang Pampasan Kerana Nateriam Arsanita*

Kumpulanwang ini ialah untuk membayar gantrugi kepada penternak-penternak yang binatang-binatang ternakan mereka termakan racun Nateriam Arsanita. Peruntukan yang diperlukan di bawah Kumpulanwang ini ialah sebanyak \$0.02 juta.

(c) *Kumpulanwang Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan*

Sebagaimana di dalam tahun-tahun 1975 dan 1976, peruntukan yang diperlukan untuk tahun 1977 ialah sebanyak \$6.0 juta juga, iaitu jumlah yang dijangka akan diterima dari Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan.

(d) *Kumpulanwang Pinjaman Perumahan*

Sebanyak \$60.0 juta adalah diperlukan di bawah Kumpulanwang ini iaitu bertambah sebanyak \$5.0 juta jika dibandingkan dengan peruntukan tahun 1976 yang berjumlah \$55.0 juta sahaja. Tambahan ini adalah perlu kerana permohonan pinjaman perumahan semakin bertambah.

(e) *Kumpulanwang Perbelanjaan Luar Jangka*

Sebanyak \$300.0 juta adalah diperlukan di bawah Kumpulanwang ini bagi tahun 1977 berbanding dengan sebanyak \$200.0 juta bagi tahun 1976. Kumpulanwang ini adalah untuk menampung pendahuluan bagi belanja mengurus.

(iv) *Kepala B. 35—Kastam dan Eksais Di Raja*

Peruntukan Belanja Mengurus untuk Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja bagi tahun 1977 ialah hampir \$39.6 juta. Jumlah ini bertambah sebanyak \$4.01 juta berbanding dengan peruntukan bagi tahun 1976 sebanyak \$35.59 juta. Pembahagian perbelanjaan mengikut Tajuk-tajuk tertentu adalah seperti berikut:

(a) *Emolumen*

Sebanyak \$32.67 juta adalah diperlukan bagi perbelanjaan gaji dan elaun. Berbanding dengan peruntukan tahun 1976 sebanyak \$28.83 juta, jumlah ini bertambah sebanyak \$3.84 juta. Tambahan ini ialah untuk pembayaran kenaikan gaji, elaun lebih masa, elaun pencegah, elaun bantuan khas, elaun rumah dan berbagai elaun lagi.

(b) *Perkhidmatan dan Bekalan*

Sejumlah \$6.05 juta adalah diperlukan di bawah Tajuk ini. Ini merupakan tambahan sebanyak \$0.18 juta jika dibandingkan dengan peruntukan tahun 1976 iaitu sebanyak \$5.87 juta.

Tambahan ini adalah untuk belanja Pengangkutan Barang-barang, Kemudahan Perhubungan, Sewaan, Perkhidmatan Pencetakan serta pembelian alat-alat ganti bagi kereta-kereta, lancilanci dan bot-bot laju untuk tujuan mengetatkan lagi kawalan pungutan cukai dengan mencegah penyeludupan.

(c) *Pemilikan Harta Modal*

Di bawah Tajuk ini peruntukan yang diperlukan ialah \$0.84 juta iaitu berkurangan sebanyak \$0.03 juta jika dibandingkan dengan peruntukan tahun 1976 sebanyak \$0.87 juta.

Peruntukan ini adalah untuk memperbaiki bangunan-bangunan pejabat Kastam, untuk membayar wang sim-

panan atas dua buah lancilanci serta membeli alat-alat untuk membantu mencegah penyeludupan membeli kenderaan, perabot, senjapati, injin motosangkut dan berbagai perkakas lain.

(v) *B. 36—Jabatan Hasil Dalam Negeri*

Anggaran Belanja Mengurus untuk tahun 1977 bagi Jabatan ini berjumlah \$24.88 juta iaitu tambahan sebanyak \$4.44 juta daripada peruntukan tahun 1976 iaitu sebanyak \$20.44 juta. Dari jumlah peruntukan tersebut, \$20.51 juta adalah bagi Semenanjung Malaysia, \$1.92 juta bagi Sarawak dan \$2.45 juta bagi Sabah. Peruntukan yang diperlukan adalah bagi Tajuk-tajuk berikut:

(a) *Emolumen*

Peruntukan untuk gaji bagi tahun 1977 ialah sebanyak \$20.69 juta iaitu tambahan sebanyak \$4.08 juta daripada peruntukan tahun 1976 sebanyak \$16.61 juta. Peruntukan ini adalah bagi perbelanjaan kenaikan gaji dan elaun-elaun bagi kakitangan Jabatan ini yang ditugaskan untuk menyelenggarakan beban kerja yang bertambah bagi mencapai matlamat utama Jabatan ini ke arah usaha mendapatkan hasil Negara.

(b) *Perkhidmatan dan Bekalan*

Peruntukan yang diperlukan di bawah Tajuk ini ialah \$3.54 juta berbanding dengan \$3.20 juta bagi tahun 1976, iaitu bertambah sebanyak \$0.34 juta. Ini adalah bagi perbelanjaan seperti Perjalanan dan Pengangkutan Orang, Api, Air dan Letrik, Sewa dan Perkhidmatan Pencetakan yang semakin bertambah dari setahun ke setahun. Tambahan pula Jabatan ini akan menubuhkan cawangan di Kuala Trengganu pada tahun 1977 kelak.

(c) *Pemilikan Harta Modal*

Peruntukan yang diperlukan di bawah Tajuk ini ialah \$0.64 juta iaitu \$0.02 juta lebih daripada peruntukan tahun 1976 yang berjumlah \$0.62 juta. Sebahagian besar dari peruntukan ini ialah perbelanjaan untuk membeli alat-alat dan kelengkapan pejabat, tambahan yang baru dan mengganti yang lama. Peruntukan ini juga digunakan untuk memperbaiki dan membuat perubahan kepada bangunan-bangunan pejabat yang ada sekarang.

(B) ANGGARAN PEMBANGUNAN**(i) Kepala P. 32—Perbendaharaan**

Peruntukan yang diperlukan di bawah Kepala ini berjumlah \$206.1 juta. Jika dibandingkan dengan peruntukan tahun 1976 iaitu sebanyak \$214.79 juta, peruntukan tahun 1977 adalah berkurangan sebanyak \$8.69 juta. Peruntukan sebanyak \$206.1 juta yang diperlukan adalah untuk tujuan-tujuan berikut:

- (i) Pinjaman kepada Kerajaan-kerajaan Negeri bagi pembangunan Lingkungan/ Kawasan Perdagangan dan Kawasan Perusahaan sebanyak \$0.1 juta.
 - (ii) Peruntukan Tanda sebanyak \$10.00 untuk Pembelian Tanah.
 - (iii) Pinjaman kepada Rancangan Pembangunan Tanah di kawasan Jalan Cheras sebanyak \$6.0 juta.
 - (iv) Kumpulanwang Pelaburan Bumiputra sebanyak \$200.0 juta.
- (ii) Kepala P. 35—Kastam dan Eksais Di Raja**

Peruntukan sebanyak \$17.34 juta adalah diperlukan bagi tahun 1977. Bagi tahun 1976 peruntukan sebanyak \$12.15 juta telah disediakan. Ini menunjukkan bahawa peruntukan tahun 1977 melebihi peruntukan tahun 1976 sebanyak \$5.19 juta. Peruntukan tersebut adalah untuk perkara-perkara tersebut:

I. SEMENANJUNG MALAYSIA

Bagi Semenanjung Malaysia peruntukan tahun 1977 berjumlah sebanyak \$14.24 juta berbanding dengan jumlah \$10.94 juta untuk tahun 1976, iaitu tambahan sebanyak \$3.3 juta. Peruntukan sebanyak \$14.24 juta ini adalah untuk perkara-perkara berikut:

- (a) sebanyak \$7.7 juta adalah untuk pembinaan pejabat-pejabat Kastam dan rumah-rumah kediaman di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.
- (b) Sebanyak \$5.0 juta adalah diperlukan untuk pembelian kenderaan dan kelengkapan-kelengkapan seperti sistem perhubungan, lori-lori, bas penumpang, bot-bot dan lain-lain alat.
- (c) Sebanyak \$1.54 juta adalah dikehendaki untuk membiayai kerja-kerja kecil dan kerja-kerja tambahan untuk menyiapkan Projek Kompleks Kastam dan Jejambat di Johor Bahru.

II. SARAWAK

Bagi Sarawak peruntukan untuk tahun 1977 ialah sebanyak \$1.93 juta berbanding dengan \$0.45 juta untuk tahun 1976, iaitu tambahan sebanyak \$1.48 juta.

Peruntukan sebanyak \$1.9 juta adalah untuk projek-projek pembinaan pejabat dan perumahan di Kuching dan Marudi sementara sebanyak \$0.03 juta pula adalah untuk pembelian kenderaan.

III. SABAH

Peruntukan bagi Sabah untuk tahun 1977 ialah \$1.17 juta iaitu tambahan sebanyak \$0.41 juta jika dibandingkan dengan peruntukan tahun 1976 sebanyak \$0.76 juta.

Peruntukan berjumlah \$0.36 juta adalah diperlukan untuk menampung perbelanjaan projek-projek pembinaan pejabat dan perumahan di Labuan, Tawau dan Lahad Datu. Peruntukan sebanyak \$0.81 juta juga diperlukan untuk membeli beberapa buah mesin NCR 270 dan sebuah lanci.

(iii) Kepala P. 67—Luar Jangka

Sebanyak \$200.0 juta adalah dikehendaki di bawah Kepala ini sebagai simpanan untuk pendahuluan bagi projek-projek yang akan dilaksanakan tetapi peruntukan baginya tidak disediakan dalam anggaran atau untuk menambah peruntukan-peruntukan yang didapati tidak mencukupi.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

3.35 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya menyentuh Kepala Bekalan B. 32—Perbendaharaan, muka surat 231, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (3)—Pengurusan Kewangan, Hutang dan Pinjaman.

Tuan Pengerusi, tekanan inflasi tahun 1974 hingga 1975 menyebabkan Bank Negara mengumumkan kenaikan faedah pinjaman kepada bank-bank perdagangan dan dengan kerana itu untuk melawan inflasi, pinjaman faedah dan simpanan tetap dinaikkan. Tahun 1976 menunjukkan keadaan ekonomi bertambah pulih, dengan naiknya eksport dagangan kita. Faedah pinjaman dari bank-bank perdagangan masih lagi tinggi.

Keadaan ekonomi Britain bertambah buruk sejak akhir-akhir ini, sehingga ia terpaksa meminjam wang dari Badan Kewangan

Antarabangsa sebanyak US\$3.9 billion. Dengan kerana itu faedah bank dinaikkan. Tetapi keadaan ekonomi Malaysia adalah cerah dan bertambah baik. Dari hakikat ini, interest bank dari peminjam hendaklah diturunkan lagi daripada paras yang ada sekarang. Saya berharap interest pinjaman ini dapat ditimbangkan untuk diturunkan sedikit.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh Kepala Bekalan B. 32, muka surat 231, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (6) Pentadbiran Insuran.

Bank Negara mengawasi perjalanan bank-bank di Malaysia. Begitu juga dengan insuran. Bahagian Pentadbiran Insuran ini mengawasi perjalanan insuran di seluruh negara. Bahagian ini mempunyai kakitangan yang kecil untuk menjaga berpuluh-puluh insuran di seluruh negara. Bahagian Insuran ini satu bahagian yang penting dan untuk mengawasi perjalanan insuran swasta, tentu sekali ia memerlukan kakitangan tambahan yang cekap dan terlatih.

Untuk menjamin supaya wang Kerajaan yang dikeluarkan kepada peminjam-peminjamnya itu berbalik semula kepada Kerajaan, saya mengesyorkan supaya wang pinjaman membeli kereta kepada kakitangan Kerajaan, badan-badan berkanun, agensi-agensi Kerajaan, hendaklah disyaratkan mengambil insuran daripada Perbadanan Insuran Nasional, ringkasnya MNI (Malaysia National Insurance). Ini secara tidak langsung dapat menyekat pengaliran wang Kerajaan. Insuran ini bukan sahaja terhad kepada kereta, malahan kepada rumah-rumah kediaman yang mendapat pinjaman daripada Kerajaan, begitu juga dengan bangunan-bangunan Kerajaan, hendaklah diinsurankan dengan Perbadanan Insuran Nasional ini.

Kita hendaklah ingat bahawa tiap-tiap wang yang mengalir keluar, hendaklah dimasukkan semula kepada Kerajaan. Wang rakyat hendaklah dijaga dengan begitu teratur dan rapi.

Tuan Pengerusi, muka surat 238, Pecahan-kepala 7—Kumpulanwang Pelaburan Bumiputra.

Satu kepujian harus diberi mengenai adanya Kumpulanwang Pelaburan Bumiputra ini. Walaupun pada kasarnya peruntukan ini besar sebanyak \$200 million, tetapi pada hakikatnya jika dibandingkan dengan ketinggalan bumiputra dalam semua bidang

perniagaan dan perdagangan, maka wang yang sebegini tidaklah mencukupi. Walaupun begitu, saya mengesyorkan supaya wang pelaburan ini diadakan tiap-tiap tahun guna untuk menolong dan membantu bumiputra agar mereka juga bergerak maju ke hadapan. Kita tidak hendak dengar lagi matlamat yang dicapai oleh bumiputra setakat ini hanya 2.3% sahaja. Apa yang perlu kita perhatikan ialah matlamat 30% itu tercapai dengan pantas mengikut proses kemajuan negara. Mengikut anggaran Rancangan Malaysia Ketiga pada akhir rancangan itu, baharulah milik modal saham bumiputra mencapai angka 3.4% sahaja.

Usaha-usaha yang bersungguh-sungguh mestilah dijalankan. Dewan-dewan Perniagaan dan Perusahaan-perusahaan Melayu umpamanya boleh dibawa berunding untuk mencari kata sepakat bagi mengisi kekosongan penyertaan bumiputra di dalam segala bidang perniagaan dan perdagangan.

Tuan Pengerusi, Kepala Bekalan B. 35, Kastam dan Eksais Diraja, muka surat 245, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (2) Pungutan Hasil.

Bahagian Pungutan ini adalah satu bahagian yang penting dan mustahak untuk mendapatkan hasil negara. Tempat-tempat pintu keluar masuk, seperti di Johor Bahru, Lapanganterbang Subang, di Pulau Pinang dan di tempat-tempat lain di Malaysia, hendaklah dikawal dengan rapi. Pemeriksaan yang teliti dan rapi hendaklah sentiasa dibuat supaya tidak ada pelari-pelari cukai lepas dengan begitu sahaja. Pemeriksaan ini hendaklah dikenakan kepada setiap orang, kecuali Pembesar-pembesar Negara. Rombongan-rombongan pelawat juga hendaklah diperiksa dan disiasat. Dengan cara ini, saya rasa, pungutan hasil kita akan berlipatganda lagi. Pemeriksaan yang rapi belum begitu memuaskan lagi, terutama di Lapanganterbang Subang.

Tuan Pengerusi, di bawah Pecahan-kepala yang sama, Aktiviti (3)—Pencegahan dan Perlaksanaan.

Kita sungguh berbangga dengan tangkapan yang dibuat oleh Bahagian Pencegahan ini yang melibatkan berpuluh-puluh ribu ringgit dapat diberkas. Maklumat-maklumat perisik adalah penting. Dari itu, bayaran yang setimpal kepada perisik-perisik ini hendaklah wajar, dan kalau perlu perisik-perisik

(informers) ini diperbanyakkan di merata tempat di mana yang difikirkan tempat-tempat yang penting penyeludupan dilakukan.

Tuan Pengerusi, sekianlah sahaja, saya menyokong peruntukan Kementerian Kewangan ini.

3.48 ptg.

Puan Chow Poh Kheng (Selayang): Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh Kepala B. 32 Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (1)—Pentadbiran Am, (c) Penyemakan Cukai.

Walaupun Parlimen telah membuat undang-undang yang membolehkan wanita yang bersuami mengemukakan Penyata Cukai Pendapatan berasingan namun masih ada jurang diskriminasi yang luas terhadap wanita yang bersuami. Kalau seorang wanita yang telah berkahwin dikenali sebagai pembayar cukai individu umpamanya menyediakan Penyata Cukai Pendapatan berasingan beliau hendaklah dibenarkan oleh undang-undang mendapat kemudahan potongan cukai seperti yang diberikan kepada teman lelaki. Misalnya, potongan itu sama seperti potongan perseorangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan premium insuran nyawa yang diluluskan secara berasingan. Umpamanya, mengikut taksiran pendapatan suami isteri yang disatukan yang mana potongan maksima bagi item-item yang tersebut dihadkan kepada \$3,000. Sekarang setelah diadakan taksiran berasingan si isteri hendaklah dibenarkan menurut potongan yang tersebut di atas secara berasingan kepada potongan maksima sekiranya kalau beliau dihitung sebagai individu.

Tuan Pengerusi, dari ucapan Belanjawan Menteri Kewangan bagi tahun 1977 beliau telah mengumumkan bahawa setiap rakyat individu akan mendapat \$60 cukai rebate tetapi seorang isteri yang bekerja yang ditaksiran berasingan tidak akan mendapat rebate. Dalam keadaan demikian jelas sekali diskriminasi yang meluas dihadapkan kepada pekerja wanita yang bersuami dan wanita pembayar cukai yang telah berkahwin. Wanita-wanita yang bekerja sendiri dan wanita-wanita profesional dalam perniagaan tidak dibenarkan membayar cukai pendapatan berasingan. Sepatutnya mereka hendaklah dibenarkan berbuat demikian dan semua isteri yang bekerja hendaklah menerima layanan yang sama dalam perkara cukai pendapatan. Penyata cukai pendapatan bagi seorang wanita yang bersuami hanya ditak-

sirkan kepada gajinya sahaja. Diskriminasi seumpama itu bagi wanita bersuami yang tidak mendapat pendapatan secara langsung seperti mempunyai harta selain dari gajinya hendaklah diselaraskan menjadi pendapatan yang satu dan membenarkannya dicukai secara individu. Mengapa seorang wanita yang bersuami yang membayar cukai yang sama diberikan layanan berlainan dari segi undang-undang.

Tuan Pengerusi, sebagai seorang wanita dan seorang ibu saya berpendapat bahawa punca utama terhadap problem-problem yang dihadapi oleh belia-belia kita hari ini ialah dengan kegagalan dan tercetusnya Unit-unit Tradisi Berkeluarga. Pada masa ini Unit-unit keluarga hilang secara beransur-ansur akibat dari organisation kehidupan moden dan kebudayaan barat. Orang-orang tua dihantar ke Rumah Orang-orang Tua oleh anak-anak mereka. Kerajaan dan pembayar cukai terpaksa menanggung belanja pengurusan Rumah Orang-orang Tua itu.

Tuan Pengerusi, Belanjawan 1977 hendaklah menyediakan restructuring families selaras dengan Unit-unit Tradisi Berkeluarga. Setiap pembayaran cukai hendaklah dibolehkan menuntut "generous tax relief" untuk menampung sara hidup ibubapa dan datuk nenek yang tinggal di bawah bumbung atap yang sama. Langkah-langkah ini akan menolong mengekalkan Unit-unit Tradisi Berkeluarga yang difikirkan perlu dalam usaha kita membesarkan anak-anak dan belia-belia kita. Kita hendaklah mengambil langkah-langkah mencegah dengan serta-merta supaya dapat mengekalkan problem-problem bangsa dalam jenerasi kita yang berjalan pesat.

3.50 ptg.

Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Pengerusi, saya menyokong Kepala Bekalan Perbendaharaan. Dalam membahaskan peruntukan bagi Kementerian ini saya ingin bercakap sedikit tentang peruntukan Anggaran Belanjawan Mengurus dan Pembangunan bagi Kementerian Kewangan yang bertambah sebanyak kira-kira \$460.07 juta jika dibandingkan dengan peruntukan bagi tahun 1976.

Tuan Pengerusi, tambahan ini pada pandangan saya amatlah berpatutan jika dikaji dengan rancangan-rancangan dan tugas Kementerian ini dalam tahun 1977 serta kedudukan prestasi yang sangat menggalakkan dalam tahun ini.

Tuan Pengerusi, Perbendaharaan mempunyai tugas yang amat berat. Dalam Hal-hal mengendalikan kewangan negara, tidak syak lagi Kementerian ini perlu mengiatkan aktiviti-aktiviti setiap Jabatan seperti Bahagian Cukai, Bahagian Ekonomi, Bahagian Kewangan, Bahagian Insuran, Bahagian Kontrek dan Perbekalan, Bahagian Pentadbiran, Bahagian Perumahan dan Bahagian Penilaian. Untuk mengendalikan segala bahagian-bahagian ini dengan cukup supaya keputusan-keputusan dapat dibuat dengan tepat, maka sudah tentu Kementerian Kewangan memerlukan kakitangan yang cukup terlatih.

Tuan Pengerusi, kita tidak harus terlalu bergantung kepada pakar-pakar asing untuk menguruskan kewangan kita. Saya harap sungutan-sungutan tentang bayaran-bayaran lambat berhubung dengan kontrek-kontrek Kerajaan terutama dari kontrektor-kontrektor bumiputra tidak akan berlaku lagi.

Tuan Pengerusi, seperti yang diserukan dalam Dewan yang mulia ini Kerajaan hendaklah mengiatkan lagi usaha badan-badan sumber utama kewangan di bawah jagaan Kementerian Kewangan sendiri, seperti Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Bank Simpanan Nasional umpamanya haruslah digunakan sepenuhnya oleh Kerajaan untuk mengembeling simpanan orang ramai untuk mencapai maksud yang telah saya terangkan tadi.

Tuan Pengerusi, dari Lapuran Ekonomi Perbendaharaan dan dari ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri kita mendapat tahu bahawa Bank Simpanan Nasional telah mencapai kejayaan yang sangat menggalakkan semenjak dua tahun dia ditubuhkan. Sebagai sebuah institusi kewangan Kerajaan, kemudahan-kemudahan simpanan oleh bank itu mestilah diluaskan lagi.

Tuan Pengerusi, rancangan-rancangan galakan bagi menyimpan yang sedia mestilah dibanyakkan seperti melaksanakan skim pinjaman perumahan dan pinjaman-pinjaman lain yang boleh meningkatkan lagi darjah kehidupan rakyat terutama penyimpan-penyimpan kecil.

Tuan Pengerusi, Bank Simpanan Nasional mempunyai kemudahan menyimpan yang sangat luas di negara ini iaitu menerusi Pejabat-pejabat Pos sebagai wakilnya. Bank

ini juga mesti menambah perkhidmatan-perkhidmatannya dengan mengadakan cawangan-cawangan di merata-rata tempat khususnya di desa-desa supaya bank ini benar-benar dapat menjadi untuk setiap lapisan rakyat. Kita tahu bahawa Kerajaan telahpun memberi kemudahan pengecualian cukai pendapatan ke atas faedah yang diterima bagi simpanan hingga \$20,000 di dalam bank tersebut. Rakyat mestilah menggunakan kemudahan ini. Dalam pada itu sama-sama membantu menambah modal bagi pembangunan negara.

Tuan Pengerusi, kaum wanita di negara ini hendaklah menggunakan kemudahan-kemudahan bank itu dengan mengalihkan mengikut kemampuan wang mereka daripada membeli barang-barang hiasan diri kepada menyimpan di dalam Bank Simpanan Nasional itu.

Pada fikiran saya, Tuan Pengerusi, inilah satu cara bagi rakyat khususnya kaum wanita sama-sama berkorban untuk mencapai tujuan pembangunan sosio-ekonomi negara kita dan menambahkan pelaburan untuk pembangunan.

Tuan Pengerusi, telah disebutkan dalam Dewan yang mulia ini baru-baru ini dan juga dalam akhbar-akhbar bahawa Bank Simpanan Nasional hendak mengadakan satu skim simpanan yang baharu iaitu Sijil Simpanan Premium yang dikatakan boleh mengembeling simpanan orang ramai sebanyak \$500 juta dalam tempoh 10 tahun. Ini adalah satu langkah yang harus dilaksanakan dengan segera terutama sekali ketika negara berada dalam keadaan ekonomi yang cerah dan rakyat mampu untuk menyimpan. Saya harap Kementerian Kewangan akan mengarahkan bank itu supaya menjalankan rancangan ini mengikut kemampuan mereka yang berpendapatan rendah menyertainya.

Tuan Pengerusi, penerangan yang berhati-hati dan meluas hendaklah diberi kepada Sekim Sijil Simpanan Premium ini supaya sebarang kekeliruan tidak timbul.

Berhubung dengan perkara ini Kementerian Kewangan hendaklah membantu Bank Simpanan Nasional dilengkapi dengan kakitangan yang terlatih, mahir dan cekap dengan segera untuk memastikan kegagalan yang pernah dialami terhadap skim seperti ini dalam tahun lima puluhan dahulu supaya tidak berulang lagi.

Tuan Pengerusi, sekini ini sangatlah baik dan menarik tetapi Bank Simpanan Nasional hendaklah juga menjalankan lain-lain langkah galakan bagi meramaikan lagi penyimpan-penyimpan yang sekarang sudah melebihi angka 3 juta orang.

Tuan Pengerusi, sebagaimana kita telah maklum bahawa Bank Simpanan Nasional adalah salah satu daripada badan-badan utama dalam Kementerian Kewangan, tetapi saya tidak nampak sebarang peruntukan bagi bank itu untuk tahun 1977.

Saya memang faham, Tuan Pengerusi, bahawa Akta 146, Bank Simpanan Nasional yang telah diluluskan oleh Dewan ini kira-kira dua tahun dahulu menyebutkan bahawa bank itu adalah bergerak menggunakan hasil kegiatannya sendiri. Tetapi memandangkan kepada pentingnya bank itu diperluaskan lagi kegiatannya maka sudah tentu dia perlu bantuan dari Kerajaan. Saya percaya Kerajaan akan dapat menimbangkan bantuan yang berpatutan kepada Bank itu untuk menjalankan langkah-langkah pembesarannya. Dengan ini saya lagi sekali menyokong peruntukan bagi Kementerian Kewangan.

3.57 ptg.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim (Kepala Batas): Tuan Pengerusi, saya cuma hendak menumpukan ucapan saya kepada perkara yang tercatat di bawah P. 32, Pecahan-kepala 7 yang terdapat di muka surat 239 berkaitan dengan Kumpulanwang Pelaburan Bumiputra (Bumiputra Investment Fund.)

Langkah mengadakan Kumpulanwang ini patutlah dialu-alukan sungguhpun barangkali dengan setakat \$200 juta untuk masa tahun 1976 sehingga tahun 1980 agaknya mencukupi, mungkin patut ditambah kalau hendak mengisi segala saham-saham yang telah dikeluarkan dan yang telah begini lama menunggu, menanti supaya diambil oleh pihak bumiputra dalam pelaburan modal yang berlaku dalam negeri ini.

Saya faham bahawa dengan kumpulanwang ini kita akan dapat membeli saham-saham yang telah ditawarkan atau dipelawa kepada bumiputra oleh bermacam-macam syarikat yang setakat ini masih belum lagi diambil ataupun dibeli. Saya harap dalam usaha mengambil ataupun membeli saham-saham ini, pihak yang berkenaan akan berjaga-jaga dan berjimat supaya bukan semua atau

sebarang share ataupun saham itu dibeli, akan tetapi hendaklah diperiksa dan dikaji betul-betul supaya sesuatu syarikat ataupun perusahaan di mana hendak ditanam modal daripada Kumpulanwang Pelaburan Bumiputra ini ialah satu syarikat atau perusahaan yang akan menghasil keuntungan. Dan bukan pula seperti biasa terjadi banyak syarikat-syarikat dalam mana bumiputra yang kurang pengalaman dan juga kepandaian dan tidak biasa berniaga masuk terlibat dengan seberapa banyak wang terhad yang ada pada mereka yang akhirnya bukan untung diperolehi akan tetapi ditimpa kerugian satu demi satu. Sebab bukan semua perdagangan dan perusahaan beruntung, ada juga yang menimbulkan kerugian dan kerap kali kerugian itu telah dialami seperti saya katakan tadi oleh bumiputra, golongan yang tidak begitu banyak modal yang cuba bagi kali pertama hendak mengambil bahagian dan sudah terbakar tangan (had their fingers burnt) kerana tidak pandai pilih syarikat ataupun perusahaan yang menerima bumiputra mengambil bahagian ataupun sebaliknya oleh sebab pengawasan dan kawalan tidak cukup dalam segala usaha menyelenggara ataupun mentadbirkan (management) syarikat tersebut. Di sini timbul soal mengadakan perwakilan di dalam badan Lembaga Pengarah semua syarikat-syarikat dalam mana yang kita hendak menanam modal atau mengambil bahagian menerusi Kumpulanwang Pelaburan Bumiputra ini. Boleh jadi Kerajaan akan terus menjalankan langkah-langkah seperti sudah dijalankan setakat ini iaitu dengan mengadakan pegawai Kerajaan dilantik mewakili kepentingan Kerajaan ataupun kepentingan tabung wang ini menjadi ahli dalam Lembaga Pengarah syarikat-syarikat yang tertentu itu. Sekiranya ada cukup pegawai-pegawai Kerajaan yang ada cukup pengalaman dan juga masanya tidak menjejaskan kerja biasanya, eloklah. Akan tetapi, sekarang ini pun sudah terdapat banyak pegawai-pegawai Kerajaan yang ada kebolehan dan pengalaman diberi pikulan ataupun tanggungan yang sangat berat mewakili jabatannya atau Kerajaan di beberapa buah Jawatankuasa Lembaga dan sebagainya, sehingga kadang-kadang tak terdaya sampai tidak ter pikul, tak tertahan tanggungannya sehingga tidak dapat menjalankan kerjanya dengan sempurna di lapangan baharu iaitu dilapangan perniagaan ini. Sebaliknya, dalam kerja biasanya sehari-hari itu pun terjejas kerana maklumlah masa dan usahanya tertumpu kepada usaha baharu

untuk mengawal dan menjaga kepentingan sebagai seorang ahli Lembaga Pentadbiran atau Pengarah satu-satu perusahaan ataupun syarikat itupun yang tanggungannya berat. Sebab itu, saya suka mengemukakan satu syur—semata-mata sebagai satu syur kepada Kerajaan samada perkara ini ditimbangkan ataupun dijalankan terserahlah kepada pihak Kerajaan dan samada dapat dijalankan.

Memandang kepada hakikat bahawa wang sebanyak \$200 juta ini ialah kepunyaan kita semua, kepunyaan negara, kepunyaan rakyat dan memandang pula bahawa ahli-ahli Parlimen dilantik oleh rakyat sebagai wakil mereka, dan sebagaimana juga tiap-tiap tahun segala perbelanjaan dan segala kewangan Kerajaan dikaji, diperiksa dan juga diluluskan oleh Wakil Rakyat ini barangkali ada kebaikan juga, kalau Kerajaan dapat menggunakan perkhidmatan Ahli-ahli Parlimen supaya dilantik menjadi Ahli Lembaga Pengarah dalam syarikat-syarikat yang mana Kerajaan akan menanam modal di bawah rancangan ini dengan menggunakan Kumpulanwang Pelaburan Bumiputra ini. Dalam usaha ini, saya harap pula janganlah cuma dipilih dua tiga orang dan diberi pula tanggung yang terlalu berat menjadi Ahli Lembaga Pengarah beberapa puluh buah syarikat, sebaik-baiknya hendaklah dibahagikan kepada semua supaya tiap-tiap seorang ada satu atau dua syarikat dapat bersama-sama menolong dan menjaga kepentingan, menjaga tentang perjalanannya, menjaga tentang wang ringgit yang kita hendak tanamkan ini.

Lagi satu perkara yang saya suka kemukakan ialah Kumpulanwang ini dinamakan Kumpulanwang Pelaburan Bumiputra, sungguhpun modal asalnya datang daripada Kerajaan, barangkali apabila golongan kaum bumiputra sudah cukup mewah, sudah dapat kumpulkan wang, sudah ada modal barangkali segala saham-saham itu akan dipelawa pula dan dijual kepada bumiputra yang boleh meramaikan lagi ahli, ini kalau dapat. Tetapi, pada hemat saya menunggu masa kaum bumiputra cukup wang supaya mengambil ahli beratus-ratus juta bukan sahaja yang mana sudah dipelawa akan tetapi yang bakal dipelawa menjadi satu soal besar.

Sungguhpun saya sendiri yakin bahawa sehari demi sehari kaum bumiputra dengan seberapa daya-upaya sedang mengejar dan sedang mara ke hadapan akan tetapi saya masih khuatir dalam tempoh 10-15 tahun

yang akan datang ini menjelang tahun 1990 mungkin bila sampai tarikh itu belum lagi ada cukup kaum bumiputra mempunyai wang ataupun kemampuan untuk menerima, mengambil alih segala saham-saham dengan niat yang baik telah diketepikan, telah disediakan, dikumpulkan untuk bumiputra. Barangkali dengan niat yang begini baik yang telah mendorong Kerajaan menubuhkan tabung Kumpulan Pelaburan Bumiputra ini patut disertakan juga dengan usaha mobilise, menggerakkan, mengumpul seberapa banyak, seberapa boleh kewangan, seberapa kemampuan modal bumiputra memandangkan kepada keadaan di mana sebahagian besar daripada bumiputra ialah mereka yang memakan gaji, barangkali sebahagian besar makan gaji dengan Kerajaan, Badan Berkanun dan sebagainya, ada dalam tentera, dalam pasukan keselamatan. Saya dapati di dalam tentera dan pasukan keselamatan sudah ada dibuat beberapa ikhtiar di mana kewangan telah diuntukkan dan sudah ada tabung seperti Tabung Perwira dan sebagainya menjadi punca kewangan sebagai modal. Berdasarkan kepada contoh itu juga barangkali kita patut menimbang samada boleh atau tidak boleh, mengadakan satu tabung samada asing atau seelok-eloknya sama termasuk di dalam tabung Kumpulanwang Pelaburan Bumiputra ini yang dapat dikutip pada tiap-tiap pekerja Kerajaan, setiap-tiap pekerja Badan Berkanun.

Pendeknya, setiap-tiap orang yang menerima pembayaran tertentu samada berbulan, berminggu ataupun sehari yang terdiri daripada bumiputra dan dengan secara pujuk ataupun bermesyuarat, berpakat mengadakan ketetapan supaya mereka sendiri bersetuju sanggup bekerjasama dengan Kerajaan dipotong dengan tetap tiap-tiap kali pembayaran dibuat. Kalau dibayar bulan, tiap-tiap bulan, kalau tidak dapat banyak pun pada permulaan walaupun 1% pada sebulan daripada gajinya potong, ambil, simpan, masuk macam EPF juga. Sebaik-baiknya kalau wang yang sudah disimpan oleh orang-orang ini dalam EPF itu dengan sendirinya dimasukkan bagus juga tetapi barangkali ini menimbulkan masalah dan kesusahan. Oleh sebab itu sebagai permulaan walaupun 1% setiap kali terima bayaran itu, kalau gaji bulan 1% pun daripada gaji bulannya dipotong oleh pihak yang membuat gaji walaupun Ahli Parlimen, saya fikir kalau dapat pembayaran itu tiap-tiap bulan 1% dipotong juga masukkan dalam tabung ini. Cara paksa barangkali orang

marah, tetapi jikalau kita sendiri bersetuju dan jikalau sebahagian yang besar kita setuju, jadikan satu peraturan paksa semua orang oleh sebab sebahagian yang besar telah bersetuju kita pun patuh, setiap-tiap bulan potong dan duit itu disimpan masuk ke dalam tabung ini juga.

Akhir sekali, berkaitan dengan permodalan bagi kaum bumiputra ini ialah tentang kebolehan (liquidity) dengan modal yang terhad keluar-masuk, jual-beli ataupun harta yang ada dapat dijual, saham yang ada dapat dijual dengan harga yang sewajarnya dengan tidak ada rugi supaya dia dapat menggunakan wang yang hasil daripada penjualan itu untuk mendapat saham yang lebih baik, harta yang lebih baik ataupun tanam modal dalam satu perusahaan yang lebih menguntungkan, bagaimana cara dapat dia memusingkan duit yang terhad.

Pada masa sekarang ada beberapa masalah. Pertama sekali berkenaan dengan pembahagian khas bumiputra. Ini memang baik, samada 30% tetapi apabila telah diberi katanya: rumah ini untuk bumiputra. Bila hendak dijual rumah itu kepada orang lain tidak boleh, mesti dijual kepada bumiputra sahaja katanya. Kebolehan menjual-beli barangnya terhad pula. Ini satu halangan patut kita timbangkan.

Kedua, kalau dia beli syer dalam syarikat-syarikat yang mana sudah didaftar sebagai syarikat Melayu samada Utusan Melayu, atau Syarikat Permodalan Kebangsaan seperti Sri Jaya dan sebagainya bila sesak, dia mahu duit tidak dapat dijual di mana-mana dan kalau kita perhatikan betul-betul harga saham perusahaan yang dijalankan oleh bumiputra biasanya rendah daripada yang sepatutnya (below actual market value) kerana tidak dapat dijual, tidak dapat dibeli, tidak dapat dijalankan. Sebab itu sudah beberapa lama telah diusulkan supaya diadakan satu pasaran di mana syer yang restricted semacam ini kepada bumiputra dapat mengalir, dapat berjalan, dapat berpusing supaya dengan circulation ini boleh berjalan, boleh berpusing, barangkali harga sewajarnya dapat diperolehi. Dan juga ada banyak perusahaan yang diusahakan oleh bumiputra tetapi tidak dapat dijalankan kerana kekurangan modal.

Memang sudah bermacam-macam kita dapat keterangan pinjam sini, pinjam sana dan sebagainya, setengah dapat dan setengah tidak dapat. Memang institusi-institusi yang sudah

diperintahkan dan sudah digalakkan untuk memberi pertolongan itu pun terhad tabung wang mereka. Oleh sebab itu, saya bertanya juga samada Kerajaan akan menimbang dan memberi satu layanan istimewa kepada bumiputra dengan menggunakan wang peruntukan \$200 million ini daripada Kumpulan Wang Pelaburan Bumiputra untuk digunakan menanam modal ekuiti ataupun sebagai saham pinjaman dalam syarikat-syarikat perusahaan-perusahaan bumiputra yang kekurangan wang pusingan, kekurangan modal selepas mereka cuba lain-lain sumber (source of financing). Kalau tidak dapat, bolehkah mereka datang kepada Kumpulan Wang ini, minta tolong untuk finance, samada mengambil bahagian terus ataupun sebagai saham pinjaman membantu syarikat-syarikat bumiputra yang kekurangan wang itu.

4.17 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Pengerusi, di bawah Kepala B. 32, Pecahan-kepala 1100 (1) (c) Penyemakan Cukai, muka surat 231.

Tuan Pengerusi, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita telah melaporkan sosialisma adalah tidak sesuai untuk negara kita kerana ianya memperjuangkan pendapatan sama untuk semua rakyat. Sosialisma sebagaimana dipraktikkan di beberapa negeri meliputi spectrum yang amat luas. Di satu pihak extreme setiap rakyat bekerja untuk negara dan ia diberi kemudahan-kemudahan asas serta makanan yang cukup dan juga tidak wujud pemilikan harta persendirian (private ownership of property). Di negeri China, petani-petani dan penternak-penternak bekerja untuk negara tetapi mereka dibenarkan menyimpan sebahagian daripada pengeluaran mereka untuk kegunaan sendiri.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bercakap di bawah Pecahan-kepala mana?

Dr Chen Man Hin: Penyemakan cukai.

Tuan Pengerusi: Pecahan-kepala berapa?

Dr Chen Man Hin: Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (1) (c) muka surat 231.

Tuan Pengerusi: Kita di dalam sidang Jawatankuasa, jangan ada banyak bercakap berkenaan dengan dasar. Setengah daripada ucapan Yang Berhormat tadi itu sepatutnya pada masa membincangkan dasar dahulu, itu lebih sesuai.

Dr Chen Man Hin: Saya masukkan latar-belakang sedikit.

Tuan Pengerusi: Sedikit sahaja tidak apa, jangan banyak sangat latar belakang ini. Teruskan.

Dr Chen Man Hin: Di negeri Sweden, Tuan Pengerusi, terdapat pemilikan harta persendirian dan enterprise persendirian, tetapi di Sweden terdapat satu sistem sosialis yang baik di mana setiap rakyat dilindungi dan dijaga dari masa ianya dilahirkan sehingga ia meninggal dunia.

Tuan Pengerusi, di negara kita Malaysia di mana terdapat kemiskinan yang luas serta pembahagian kekayaan dan pendapatan yang tidak seimbang, sosialisma mempunyai tempat yang sewajar kerana sosialisma bertujuan membasmi kemiskinan dan merapatkan jurang perbezaan di antara orang-orang kaya dengan orang-orang miskin. Jika sekiranya sosialisma tidak berjaya membantu petani-petani

Tuan Pengerusi: Saya tidak benarkan. Ini wajar untuk berbincang di dalam masa dasar pentadbiran, dasar am. Tetapi sekarang dalam Jawatankuasa, tujukan sahaja di bawah Pecahan-kepala berapa dan Aktiviti berapa. Teruskan.

Dr Chen Man Hin: Tuan Pengerusi, dari segi atau setimpal dengan dasar inilah saya meminta Yang Berhormat Menteri Kewangan mengkaji semula dasar-dasar cukainya terutama sekali dasar cukai tidak langsung (indirect taxation). Inflasi walaupun kadarnya cuma lebih kurang 5%, tetapi masih menyakitkan rakyat terutama sekali orang-orang yang di dalam golongan berpendapatan rendah. Cukai-cukai tidak langsung seperti surtax dan cukai jualan selain daripada faktor-faktor antarabangsa menjadi punca yang mengakibatkan inflasi. Juga cukai-cukai tidak langsung ini mendatangkan kesusahan kepada rakyat yang kurang mampu menampung cukai-cukai ini. Sudahlah sampai masanya untuk Menteri Kewangan membatalkan cukai jualan dan surtax supaya dapat mengurangkan kebimbangan orang-orang miskin dan mereka yang di dalam golongan berpendapatan rendah.

Tuan Pengerusi, berkenaan rumah-rumah berharga murah, beberapa hari yang lalu Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri

telah mengumumkan rancangan-rancangan untuk membolehkan orang-orang yang berpendapatan rendah membeli rumah-rumah dengan syarat-syarat yang mudah. Ini adalah baik dan mungkin dapat membantu mengurangkan masalah kekurangan rumah-rumah untuk orang-orang miskin. Tetapi saya rasa ini tidak mencukupi. Asas yang betul dirangka ialah teras utama yang patutnya datang dengan melipatgandakan sekurang-kurangnya sepuluh kali peruntukan yang dicadangkan sebanyak \$110,000 juta untuk tahun 1977. Sektor swasta dan pemaju-pemaju swasta harus digalakkan membina rumah-rumah berharga murah dengan memberi mereka incentive atau potong cukai. Kalau kita hendak mengatasi masalah rumah murah, saya ingat Yang Berhormat Menteri Kewangan mesti mahu memberi lebih kewangan untuk untuk ia mendirikan rumah-rumah itu.

Berjuta-juta wang akan dibelanjakan untuk pembangunan dan meskipun terdapat assurance tetapi masih terdapat keraguan bahawa wang yang dibelanjakan tidak akan benar-benar membawa faedah kepada rakyat dan juga keraguan masih wujud yang wang ini akan digunakan untuk projek-projek prestige dan juga sebahagian daripada wang ini akan masuk ke dalam saku orang-orang melalui rasuah. Misalnya, Syarikat Gula Perak dan Gula Johor merupakan contoh di mana wang awam dibazirkan. Wang sebanyak \$160 juta yang akan dibelanjakan untuk membeli empat buah kapal ronda laju peluru berpandu SPICA-M

Tuan Pengerusi: Di mana dapat Pecahan-kepala ini, Yang Berhormat. Lain daripada yang ada di sini

Dr Chen Man Hin: Ini berkenaan dengan Analisa Ekonomi dan Kewangan.

Tuan Pengerusi: Tetapi itu semua ucapan dasar dan mengikut catitan saya di sini, Yang Berhormat telah berpeluang bercakap dalam masa dasar dahulu, itu lebih tepat lagi. Tumpukan kepada detail yang tertentu yang ada tercatat di dalam Pecahan-kepala di situ. Teruskan.

Dr Chen Man Hin: Di bawah pecahan ini ada satu seksyen untuk menjaga wang di dalam negara kita. Inipun tujuan ataupun tanggungjawab Kerajaan.

Tuan Pengerusi: Itu betul ada ditulis di situ, tetapi ada bidang khususnya, bukan boleh becakap keseluruhannya dasarnya kerana sudah dibincangkan sebelas hari dahulu. Sila teruskan.

Dr Chen Man Hin: Saya berharap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengambil perhatian berkenaan hal ini dan menjaga wang-wang kita dengan betul.

Berkenaan dengan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, adalah satu jawatankuasa untuk menjaga wang. Saya rasa jawatankuasa ini bertujuan menyiasat hal-hal kewangan setiap Kementerian dan ianya menjadi lebih kurang sebagai financial watchdog. Jika ianya benar-benar menjadi financial watchdog ianya tidak bergigi. Adakah Kerajaan menghargai dan memandang berat syor-syor dan komen-komen yang dibuat oleh jawatankuasa tersebut? Semua ahli-ahli jawatankuasa tersebut terdiri dari pihak Kerajaan, tidak ada seorang pun ahli dari pihak Pembangkang dalam jawatankuasa tersebut. Jika sekiranya jawatankuasa tersebut hendak mempunyai apa-apa erti dan tujuan, ia patut mengandungi beberapa orang ahli dari pihak Pembangkang sekurang-kurangnya.

4.26 ptg.

Datuk Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Pekan): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong peruntukan Perbendaharaan dan di samping itu suka saya berucap di bawah Kepala B. 32, Pecahan-kepala (Kod) 1100, Aktiviti (4)—Analisa Ekonomi dan Kewangan.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak Perbendaharaan khususnya kepada Jabatan Ekonomi kerana telah mengeluarkan satu Lapuran Ekonomi Tahunan yang begitu lengkap dan professional sekali. Lapuran ini telah memberi gambaran yang jelas kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini dan juga kepada orang-orang lain di luar dan di dalam negara ini. Pengeluaran lapuran ini adalah sebahagian daripada usaha-usaha Kerajaan untuk memberi gambaran yang sebenarnya kepada pelabur-pelabur asing berkenaan dengan kedudukan ekonomi dan sosial negara ini dengan harapan bahawa mereka akan melabur di dalam negara ini. Kerajaan telah berusaha dengan giatnya untuk menyediakan iklim pelaburan (investment climate) yang sihat untuk menggalakkan pelabur-pelabur asing.

Akan tetapi di samping kita menggalakkan pelabur-pelabur asing, kita tidak harus lupa bahawa kita mempunyai Dasar Ekonomi Baru yang menentukan garis-garis panduan untuk syarikat-syarikat perniagaan di dalam sektor swasta.

Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan satu issue yang agak menjadi satu controversial issue sekarang iaitu kisah Syarikat Sime Darby. Sime Darby adalah satu syarikat bercorak multi-national dan mempunyai operasi yang sungguh luas di dalam banyak bidang. 40% daripada perniagaan Sime Darby adalah dijalankan di dalam negara Malaysia dan 70% daripada keuntungannya adalah disebabkan oleh perniagaannya di Malaysia yang termasuk lebih daripada 200,000 ekar ladang getah dan kelapa sawit. Keuntungan Syarikat Sime Darby untuk tahun 1973/1974 sebelum ditolak cukai adalah sebanyak \$130 juta. Oleh yang demikian, adalah sangat mustahak bahawa straktur syarikat ini diubahsuai untuk melambangkan Dasar Ekonomi Baru kita. Semasa ini satu cubaan daripada Syarikat Bumiputra Nominees Sendirian Berhad kepunyaan PERNAS Securities untuk menggantikan tiga pengarah eksekutif Sime Darby dengan tiga calunnya iaitu seorang warganegara Malaysia, seorang Filipino dan seorang dari Singapura sedang dijalankan. Tindakan PERNAS Securities adalah berlandaskan kepada undang-undang syarikat iaitu dengan menggunakan kuasa hak pemegang saham Sime Darby untuk memilih siapakah yang berhak menduduki dalam Lembaga Sime Darby. Ini akan dijalankan dalam mesyuarat agung tahunan pada 10hb Disember, 1976 ini.

Di sini suka saya menegur kenyataan daripada Pengerusi Sime Darby bahawa kononnya tindakan PERNAS Securities yang berlandaskan kepada undang-undang syarikat adalah untuk merampas hakmilik melalui pintu belakang (back door nationalisation). Kenyataan ini amatlah dikesalkan, kerana masa ini Kerajaan sedang berusaha untuk membentuk satu iklim yang sesuai untuk pelabur asing. Kenyataan ini juga adalah satu kenyataan yang tidak benar, kerana tindakan PERNAS Securities adalah berlandaskan kepada undang-undang syarikat. Dan oleh yang demikian perkara nationalisation tidak berbangkit samasekali. Saya ingin mengesyorkan kepada pihak Kerajaan supaya mengarahkan Pengerusi Sime Darby

untuk menarik balik kenyataan beliau yang telah disiarkan di dalam akhbar dan majalah antarabangsa kerana ini telah memburukkan imej Malaysia sebagai sebuah negara yang sesuai untuk pelabur asing. Pihak-pihak kepentingan orang-orang asing yang tertentu seringkali menggunakan sebaran am antarabangsa untuk menakut-nakutkan kita supaya kita tidak ada kepercayaan kepada dasar-dasar kita. Misalnya, Akta Penyelarasan Perindustrian kita yang telah seringkali menerima bantahan oleh majalah-majalah antarabangsa, akan tetapi apabila kita telah selesaikan perundingan petroleum dengan EXXON dan SHELL maka barulah bantahan mereka terhadap Akta Penyelarasan Perindustrian tidak timbul lagi.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Kesimpulannya, Tuan Pengerusi, ialah majalah dan akhbar antarabangsa adalah dijadikan alat untuk kepentingan orang-orang asing. Majalah dan akhbar yang tersebut tidak ada simpati dengan kepentingan negara kita dan apa yang dituliskan adalah tidak objektif dan adalah bertujuan untuk melemahkan keyakinan kita terhadap dasar kita. Saya harap di dalam hal ini pihak Kerajaan tidak akan ambil kira sangat terhadap teguran di dalam majalah dan akhbar antarabangsa dan akan meneruskan dasar-dasar yang akan membawa kebaikan kepada negara kita.

4.30 ptg.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong peruntukan yang dipohon oleh Kementerian ini dan oleh kerana Kementerian ini adalah satu Kementerian yang sangat luas meliputi berbagai aspek, maka di sini saya cuma suka menyentuh beberapa perkara sahaja yang saya agak penting bagi keperluan orang ramai sehari-hari.

Pertama di bawah Kepala P. 32 muka surat 239, Pecahan-kepala 6—Pembelian Harta Modal. Tuan Pengerusi, saya dapati di bandar-bandar yang kecil seperti kepala-kepala negeri sangat susah bagi seseorang yang hendak membayar cukai setem. Di Kuantan misalnya, pihak Pejabat Cukai Setem di Kuantan tidak mahu menerima cek daripada Kuala Lumpur. Jadi kalau kita hendak melakukan sesuatu pindahtanah atau cagaran tanah, kita mesti membawa cash iaitu kalau harga tanah \$500 ribu

dan cukai 1% kita mesti bawa cash ke Kuantan sebanyak \$5,000 kerana cek tidak diterima.

Kedua, franking machine itu tak ada di Kuantan dan dibeberapa tempat lagi dalam beberapa buah negeri di negara kita. Jadi oleh kerana tidak ada franking machine itu menyebabkan kesukaran. Jika kita hendak meletakan setem \$5,000 denominator setem yang besar sekali di bandar-bandar seperti ini ialah \$250. Jadi kita kena beli setem ber-puluh-puluh keping dan dilekatkan serata tempat pada borang itu daripada depan sampai ke belakang sehingga tak ada space yang nampak huruf print pada borang itu. Inilah yang menimbulkan kesukaran kepada peguam-peguam dan juga kepada orang perseorangan yang terlibat dengan perkara seperti ini.

Perkara yang kedua yang menghairankan saya ialah mengenai dengan pentaksiran tanah yang sangat-sangat lewat dilakukan. Saya hendak mengambil contoh di tempat yang saya ketahui dan saya percaya contoh ini bukanlah maknanya di tempat itu sahaja berlaku, tetapi juga di merata-rata tempat di bandar seperti bandar Kuantan. Jarak daripada Pejabat Setem ke Pejabat Penilaian ialah 300 ela, daripada Pejabat Penilaian ke tanah yang hendak dinilai ialah setengah batu. Maka daripada mula kita masuk ke Pejabat Cukai Setem menghantarkan borang yang berkenaan sehingga pejabat yang berkenaan memanggil orang yang berkenaan membayar cukai setem memakan masa sampai satu bulan, sedangkan Pejabat Cukai Setem, Pejabat Penilaian Negeri dan Daerah di dalam bandar itu dan tanah pun di dalam bandar itu juga, tetapi kerjanya memakan masa sebulan. Ini tidak termasuk lagi kelewatan di dalam pendaftaran dan sebagainya. Jadi sesuai dengan kehendak kita dalam hal-hal pembangunan, kita mesti membangun dengan cepat dan pesat maka saya merayulah kepada Menteri yang berkenaan supaya mengambil tindakan di dalam hal ini.

Perkara yang ketiga ialah mengenai dengan pembayaran kontrek-kontrek kecil. Saya difahamkan bahawa international contractor apabila mereka dapat satu kontrek membuat jalan, merata tanah ataupun sahaja multi-million dollar projects, mereka itu mula-mula dapat advance, kemudian progress payment dan apabila lengkap pekerjaan, siap kerjanya bayaran dibuat semua sekali. Jadi masalah kewangan, modal pada mereka itu

tak susah, tetapi kita perhatikan kalau kontraktor kecil ini biasanya Kelas F, bagi orang yang berusaha, hasilnya boleh cukup makan, tetapi yang menjadi komplek, yang menjadi rintihan hari mereka, lambat sangat hendak dapat pembayaran. Apabila kerja sudah siap, sehingga enam bulan atau setahun, barulah dapat pembayaran. Ini berlaku di mana-mana juga di dalam negara ini.

Perkara ini patutlah dipandang oleh Menteri yang berkenaan dengan berat. Kontraktor-kontraktor kecil ini biasanya modal tak banyak, mereka membuat kerja ini tidak ada sebarang progress payment. Tak mengapalah tidak ada progress payment asalkan seminggu atau sebulan selepas siap kerja, beri dia bayaran supaya mereka boleh mengekalkan business mereka. Lepas satu projek kecil dia buat satu projek kecil yang lain, jadi kekal. Apa yang berlaku kadang-kadang dan kebanyakannya terutama kaum bumiputra selepas kontrak yang ketiga tutup tak boleh jalan kerana pembayarannya lambat. Kalau pihak yang berkenaan hendak mengatakan kekurangan pegawai, kalau saya terimpun, kontrak-kontrak kecil ini tak mahu terima alasan seperti itu, kerana masalah kurang pegawai ini di tiap-tiap pejabat ini sudah kita laungkan 5 tahun dahulu, sana kurang pegawai, sini kurang pegawai. Jadi masa bila kita hendak cukupkan pegawai dan pernah kadang-kadang pegawai ini sendiri, pegawai yang ada kaitan dengan mengeluarkan bayaran ini sengaja menyusahnyuskan perkara ini. Tetapi saya tidaklah berani hendak mendapat challenge daripada pihak yang berkenaan mengatakan mana dia buktinya, siapa pegawainya, tulis surat kepada saya, kerana ini bukan mahkamah, dan saya tidak dapat mengeluarkan bukti satu persatu, kalau saya dapatpun mungkin satu dua, tetapi perkara ini berlaku dan sungutan ini berlaku di mana-mana juga. Saya harap di dalam Dewan yang mulia ini, apa yang saya cakapkan ini hendaklah dianggap sebagai suara rakyat dan tak payahlah Menteri minta bukti kenyataan di mana perkara itu berlaku. Saya mengharapakan Menteri mengambil perhatian dan bertindak seterusnya.

4.43 *ptg.*

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Anggaran Kementerian Kewangan dan yang

pertama saya ingin merujuk kepada B. 32, muka surat 232, Aktiviti (10)—Pinjaman Perumahan.

Tuan Pengerusi, di bawah perkara ini, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada satu perkara yang amat penting terhadap orang ramai. Ini adalah berkenaan dengan perkara kadar bunga yang ditetapkan oleh Bank-bank Perdagangan dan Institusi Kewangan yang lain berhubung dengan pinjaman perumahan untuk membantu pembeli-pembeli rumah.

Saya kerap kali menerima pengaduan daripada pembeli-pembeli rumah bahawa kadar bunga yang mereka membayar kepada bank-bank perdagangan atas pinjaman perumahan tidak ditetapkan mengikut kadar bank seperti yang diumumkan oleh Bank Negara.

Sebagai satu contoh saya memperhatikan bahawa pada tahun yang lepas, Bank Negara telah mengumumkan tiga kali pengurangan kadar utama (prime rate) yang berjumlah $1\frac{1}{2}$ peratus. Dengan otomatikannya apabila kadar utama dikurangkan bank-bank perdagangan patutlah akan mengikuti sama, sepertimana apabila kadar utama dinaikkan, kadar bunga bank-bank akan mengikuti sama.

Walau bagaimanapun, saya memerhatikan bahawa sungguhpun Bank Negara telah menurunkan atau mengurangkan kadar utama sebanyak $1\frac{1}{2}$ peratus pada tahun yang lepas, akan tetapi saya diberitahu bahawa kadar bunga bank-bank perdagangan hanya dikurangkan setengah peratus, bagi pinjaman perumahan dan bukan $1\frac{1}{2}$ peratus yang patut dilakukan dalam kes-kes biasanya.

Memandangkan kepada perkara ini yang tidak begitu adil, saya harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dapat menggunakan jasa baiknya untuk menolong menghasilkan pengurangan kadar bunga pinjaman perumahan yang dikeluarkan oleh bank-bank perdagangan supaya dapat menolong mereka yang ingin membeli rumah dengan pinjaman-pinjaman perumahan daripada bank-bank perdagangan.

Tuan Pengerusi, atas pinjaman perumahan yang sama, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan Rancangan Pinjaman Perumahan bagi Kakitangan-kakitangan Kerajaan. Saya ingin menegaskan di sini

bahawa pinjaman yang diberikan kepada kakitangan-kakitangan Kerajaan di peringkat bawah adalah tidak mencukupi. Pekerja-pekerja yang bergaji di antara \$115 hingga \$749 sebulan yang tinggal di Kuala Lumpur tidak berupaya membeli rumah kerana pinjaman yang mereka layak adalah tidak mencukupi. Seorang pekerja yang bergaji sebanyak di antara \$115 hingga \$199 sebulan hanya layak meminjam sebanyak \$6,000. Rumah apa yang pekerja ini hendak beli, melainkan ialah rumah haram. Mengapaakah Syarikat Perumahan Pegawai Kerajaan tidak mahu mendirikan flats atau rumah pangsa harga murah di kawasan bandar Kuala Lumpur untuk Kakitangan-kakitangan Kerajaan di peringkat bawah.

Dengan mendirikan rumah pangsa harga murah, sudah tentu mereka yang boleh meminjam sebanyak \$6,000 dapat memiliki rumah pangsa ini. Apa yang kita boleh lihat sekarang ialah Syarikat Perumahan Pegawai Kerajaan hanya membina rumah berkembar dan rumah teres sahaja. Sekarang sudah sampai masanya syarikat ini patut berdiri banyak rumah pangsa harga murah untuk kakitangan Kerajaan yang gaji rendah.

Bagi pekerja-pekerja yang bergaji di antara \$600 hingga \$749 sebulan, mereka hanya layak meminjam sebanyak \$20,000. Wang pinjaman sebanyak ini sudah tentu tidak cukup hendak beli sebuah rumah berderet setingkat, kerana harga rumah teres setingkat di Kuala Lumpur pada masa ini ialah berharga di antara \$30,000 hingga \$35,000.

Dengan ini saya meminta Kerajaan menambahkan lagi pinjaman perumahan kepada pekerja-pekerja yang bergaji di antara \$115 hingga \$749 sebulan yang tinggal di Kuala Lumpur dan lagi saya harap Kerajaan akan mula mendirikan lebih banyak rumah pangsa harga murah dan rumah pangsa harga sederhana supaya pekerja-pekerja golongan ini dapat memiliki tempat kediaman sendiri.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin menyentuh sedikit mengenai Kepala B. 35, Pecahan-kepala 1100—Kastam dan Eksais Di Raja, Aktiviti (3) Pencegahan dan Pelaksanaan.

Tuan Pengerusi, atas perkara ini, saya ingin memaklumkan Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada satu masalah dan kesusahan yang dihadapi oleh agensi-agensi pengedar (forwarding agents) bukan bumi-

putra dan pelanggan-pelanggan mereka di Pelabuhan Kelang akibat satu peraturan yang dibuat oleh Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja mengenai pengeluaran lesen-lesen kepada agensi-agensi pengedar yang tersebut. Peraturan yang dibuat oleh Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja ini mengatakan bahawa agensi-agensi pengedar bukan bumiputra yang ujud sekarang ini hanya dibenarkan mengambil pelanggan-pelanggan baru sekiranya agensi-agensi pengedar mempunyai 51% atau lebih penyertaan bumiputra di dalam pemilikan dan pekerjaan. Tuan Pengerusi, peraturan ini yang ditetapkan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja telah menimbulkan banyak kekhawatiran dan kebimbangan di kalangan perniagaan sektor swasta bukan bumiputra.

Pada sidang Belanjawan tahun yang lepas saya telah mengemukakan perkara ini ke dalam Dewan dan pada masa itu Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan ada menjawab bahawa beliau sedar tentang perkara ini dan telahpun menubuhkan satu Jawatankuasa yang dianggotai oleh pegawai-pegawai termasuk Kastam untuk menyiasat latar belakang perkara ini dan selepas beliau akan mengkaji laporan-laporan Jawatankuasa supaya tindakan-tindakan yang perlu dapat diambil dengan sewajarnya. Satu tahun telah lepas semenjak Timbalan Menteri Kewangan yang dahulu menjawab perkara agensi-agensi pengedar bukan bumiputra yang dibangkitkan oleh saya. Tetapi hingga hari ini tidak seorang pun mengetahui apa yang telah berlaku kepada Jawatankuasa Kerajaan dan samada laporan telah siap dan apakah tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan mengikut rekomendasi di dalam laporan itu. Tuan Pengerusi, oleh hal yang demikian dan memandangkan kepada peranan yang mustahak yang dimainkan oleh agensi-agensi pengedar di dalam proses pembahagian-pembahagian barang-barang kepada pengimpor-pengimpor dan juga pengeksport-pengeksport dalam negara kita, saya mahu menggesa Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan supaya memberi satu penjelasan atas peraturan yang dibuat oleh pihak Kastam ini dan juga menerangkan apa yang telah berlaku kepada Jawatankuasa-jawatankuasa Pegawai-pegawai yang telah ditubuhkan untuk menyiasat dan membetulkan perkara ini.

Sekarang saya ingin merujuk sedikit mengenai Kepala B. 32 Aktiviti (9) muka

surat 232 mengenai Analisa Cukai. Di bawah perkara ini, Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan kepada Dewan ini bahawa Yunit Penyelidikan dan Bahagian Analisa Cukai patut mengkaji dan merekomendasikan perubahan-perubahan strukture dalam sistem cukai kita bagi menentukan bahawa ianya boleh menjadi satu alat yang dinamis dan aktif untuk membina satu masyarakat yang adil dan saksama. Yunit atau Bahagian ini patut memberi atau mencari jalan atau cara-cara yang sesuai yang lebih elok dan berkesan untuk memindahkan beban cukai kepada kumpulan-kumpulan orang berpendapatan tinggi oleh kerana pada masa ini cukai-cukai langsung hanya menjadi 41% daripada jumlah cukai negara kita.

Satu perkara yang lain yang saya ingin menyentuh ialah mengenai Kepala B. 36 Pecahan Kepala 1100 Aktiviti (3) mengenai Pungutan Cukai-cukai, muka surat 253. Atas perkara pungutan cukai, izinkan saya merujuk kepada kesusahan yang dihadapi oleh lebih kurang 500 pekebun-pekebun kecil di dalam negara kita yang mana mereka dikenakan membayar cukai eksport dan surcharge. Saya ingin menyatakan di sini bahawa di dalam perbahasan Anggaran Kementerian Perusahaan Utama, saya telah menggesa Kerajaan mengecualikan pekebun-pekebun kecil yang mempunyai tanah kurang dari 15 ekar daripada membayar cukai eksport dan surcharge. Dalam jawapannya, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Kementerian Perusahaan Utama ada menyatakan bahawa Menteriannya sedar tentang kesusahan yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil dan telah merujuk kepada Kementerian Kewangan. Oleh yang demikian dan memandang kepada faktor bahawa pekebun kecil adalah dikumpulkan salah satu daripada tujuh kumpulan orang-orang yang miskin dalam negara kita, saya sekali lagi menyeru Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menimbangkan kesusahan yang dihadapi oleh mereka dengan tujuan mengecualikan mereka daripada membayar cukai eksport dan surcharge.

Yang akhirnya, saya ingin merujuk sedikit kepada Kepala B. 36 Aktiviti (2) Penaksiran Cukai-cukai, muka surat 253. Atas penaksiran cukai-cukai ingin saya memaklumkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tentang masalah-masalah berikut. Pada masa ini ramai pembayar-pembayar cukai tidak menerima pemberitahu-

pemberitahu penaksiran cukai pendapatan walaupun Borang EC telah dihantar ke Pejabat oleh pembayar-pembayar cukai itu. Dalam hal ini mereka yang terlibat dalam perniagaan kecil pula saya telah diberitahu bahawa Jabatan Hasil Dalam Negeri bertanyakan sumber modal daripada anggaran \$3,000 hingga \$7,000. Ini nampaknya adalah tidak berapa adil kerana sepatutnya mereka hendaklah menumpukan lebih masa kepada syarikat-syarikat yang besar atau kompeni-kompeni yang besar dan bukan kepada peniaga-peniaga yang kecil. Atas perkara yang sama saya ingin menyentuh atas masalah Pejabat Penaksiran Cukai di Damansara Heights, Kuala Lumpur bahawa terdapat kesukaran-kesukaran kerana kekurangan-kekurangan kemudahan-kemudahan untuk orang ramai iaitu tidak ada tandas awam dan tidak ada talipon awam dan juga terdapat kekurangan tempat duduk untuk orang ramai. Di bahagian tempat bertanya di pejabat itu orang ramai terpaksa tunduk-turun dan menjenguk dengan susahnyanya apabila hendak bercakap kepada pegawai-pegawai yang bertugas kerana rekabentuk tingkap di pejabat itu direka dengan bentuk yang tidak sesuai. Saya berharap agar Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan akan benar-benar berusaha mengambil perhatian berat yang telah disebutkan oleh saya. Sekianlah sahaja, terima kasih.

4.57 ptg.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus): Terima kasih, Tuan Pengerusi, dalam perbahasan mengenai peruntukan yang diminta oleh Kementerian Kewangan ini, saya hanya suka menyebutkan sedikit sahaja iaitu yang pertamanya mengenai B. 32 Pecahan-kepala 1100 (1). Tuan Pengerusi, apa yang saya suka sebutkan di sini ialah mengenai kelewatan peruntukan daripada Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri. Walaupun saya menyedari perkara ini telah dibangkitkan beberapa kali dan saya sendiri pernah membangkitkan dalam Dewan ini sewaktu perkara ini dibahas pada tahun lepas tetapi saya bercadang dan saya bersedia untuk menyebut dan membangkitkan perkara ini beberapa kali lagi sehingga perkara-perkara seperti ini dapat diikhitiarkan dan dapat diatasi oleh Kerajaan kita. Sebab, Tuan Pengerusi, kami wakil-wakil rakyat, khususnya yang di luar bandar merasai benar bahawa kelewatan ini menyebabkan satu-satu projek itu tidak berjaya ataupun tidak berhasil. Dan kadang-kadang dengan

sebab kelewatan ini juga menyebabkan satu-satu projek itu dibuat dan kemudian termusnah begitu sahaja. Saya mengharapkan benar-benar Kementerian ini yang bertanggungjawab mengenai kewangan negara kita ini hendaklah bertanggungjawab juga kepada Kementerian-kementerian lain yang berkenaan yang bersangkutan-paut dengan kewangan negara yang terbuang begitu sahaja pada hemat saya.

Tuan Pengerusi, dalam soal ini walaupun kita pernah menerima jawapan-jawapan daripada Kementerian yang berkenaan bahawa wang atau waran daripada Kementerian ini telah dikeluarkan kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan untuk dihantar kepada Jabatan-jabatan yang berkenaan di negeri-negeri yang berkenaan, tetapi kelambatan ini masih juga berlaku sehingga sekarang ini. Saya tidak dapat mengagak berapa jumlah wang kita yang terbuang sia-sia di seluruh negara kita. Jadi, oleh kerana hal ini terus-menerus berlaku saya suka mencadangkan di sini supaya Kementerian ini atau Kerajaan kita menubuhkan satu jawatankuasa mengkaji mengenai wang Kerajaan kita yang terbuang disebabkan projek-projek ini dibuat sewaktu musim banjir ataupun di akhir-akhir tahun khususnya di negeri-negeri kita di Pantai Timur. Kalau kajian tidak dibuat dengan halus sudah tentu orang-orang di Kuala Lumpur ini tidak terasa masaalah ini. Saya yakin dan percaya sebab saya sendiri sekarang ini duduk di Kuala Lumpur, saya tidak terasa bahawa di Pantai Timur sedang berlaku banjir, berapa banyak harta Kerajaan yang terbuang dan termusnah akibat banjir khususnya projek-projek yang baru dibuat, terutama mengenai jalan-jalan yang dibuat sekarang di sana. Kalau kita duduk di Kuala Lumpur ini tidak akan terasa dan tidak akan terfikir bahawa masaalah ini terbuang begitu sahaja. Oleh itu, saya suka mencadangkan di sini supaya Kementerian ini menubuhkan satu jawatankuasa untuk menyiasat dan mengkaji berapakah jumlah wang yang diperuntukan oleh Kerajaan Pusat kepada Negeri-negeri, khususnya Negeri-negeri Pantai Timur yang terbuang oleh sebab Jabatan-jabatan yang berkenaan apabila wang ini sampai walaupun terlewat mereka itu segera membuat juga untuk menghabiskan peruntukan yang diperuntukan pada tahun ini. Jadi, inilah yang saya rasa benar-benar dan ini bersempena dengan apa yang telah dicakapkan ataupun kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh

Yang Berhormat Menteri Kewangan kita yang baru ini bahawa beliau akan menjaga tiap-tiap sen wang negara ini supaya dibelanjakan kepada tempat yang benar-benar memberi guna dan memberi munafaat kepada rakyat kita seluruhnya.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu saya suka merayu kepada Kementerian yang berkenaan mengenai peruntukan-peruntukan daripada Kerajaan Pusat yang diberi kepada Kerajaan-kerajaan Negeri. Apa yang saya difahamkan mengenai perkara ini, Tuan Pengerusi, bahawa cara Kerajaan Pusat memberi bantuan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri mengikut kepala ataupun penduduk yang ada dalam negeri itu. Pada pandangan saya perkara ini harus dikaji semula sebab pelaksanaan yang dijalankan sekarang ini adalah satu polisi yang telah lama dijalankan dan perkara ini harus dianalisa serta dikaji semula supaya sesuai dengan keadaan dan perkembangan negara kita pada hari ini yang mana kedudukan inflasi, kedudukan barang-barang mahal, kontrek-kontrek untuk membuat pembangunan, projek-projek kecil ataupun besar terpaksa berlipatganda, kalau dahulu \$10,000 sekarang ini \$20,000 pun tidak cukup. Berdasarkan kepada keadaan-keadaan yang berkembang sekarang ini, saya merayu kepada Kementerian yang berkenaan supaya membuat kajian semula mengenai perkara yang saya sebutkan ini dan mudah-mudahan apabila pengkajian semula dibuat, maka akan dapatlah Kerajaan-kerajaan Negeri menerima peruntukan yang menasabah mengikut keadaan yang ada pada hari ini.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan peruntukan-peruntukan yang diberi untuk maintenance ataupun bantuan membaiki kerosakan-kerosakan jalan pada tiap-tiap tahun. Inipun saya rasa harus dikaji semula supaya dapat disesuaikan dengan keadaan yang terdapat pada hari ini.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu saya suka menyebutkan juga di sini mengenai P. 32, Pecahan-kepala 1—Pinjaman kepada Kerajaan-kerajaan Negeri bagi Pembangunan Lingkungan/Kawasan Perdagangan dan Kawasan Perusahaan. Dalam hal ini saya merayu kepada Kementerian yang berkenaan hendaklah memberi pinjaman yang secukupnya kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang dianggap mundur bagi membolehkan Kerajaan-kerajaan Negeri ini membelanjakan ataupun menyiapkan serta menyediakan

kemudahan-kemudahan asas bagi satu-satu kawasan perdagangan. Apa yang terdapat sekarang ini banyak daripada projek-projek ini terbengkalai. Apabila kita menimbulkan masalah ini di peringkat negeri maka kita akan menerimalah jawapan bahawa peruntukan ini didapati tidak cukup dan sebagainya. Saya tidak tahu di mana salahnya. Mungkin pihak yang menyediakan kertas-kerja ataupun pihak yang berkenaan dalam perkara ini tidak mengemukakan kepada Kerajaan kita satu anggaran yang tepat. Apa yang saya dapati sekarang ini memang banyak daripada kawasan-kawasan perusahaan ini yang terbengkalai tidak dapat menyediakan kemudahan-kemudahan asas. Ini adalah menjadi salah satu daripada sebab yang mungkin pihak-pihak perusahaan tawar hati untuk memajukan ataupun mengadakan perusahaan mereka di kawasan-kawasan yang disediakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Jadi saya merayulah kepada Kementerian yang berkenaan supaya dalam hal ini dapat memberi bantuan dari segenap segi kepada Kerajaan-kerajaan Negeri khususnya kepada negeri-negeri yang dianggap mundur, agar kemudahan-kemudahan dapatlah negeri-negeri yang berkenaan itu menarik pelabur-pelabur ke kawasan-kawasan yang disediakan.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu saya suka juga menyebut sedikit mengenai Kepala P. 35, Pecahan-kepala I—Pejabat-pejabat Kastam dan Rumah-rumah kediaman.

Dalam hal ini, Tuan Pengerusi, saya rasa amat simpati benar dengan kakitangan-kakitangan kita di Jabatan Kastam ini. Apa yang saya dapat lihat dikebanyakan tempat rumah-rumah yang disediakan untuk kakitangan Kastam ini amat tidak sesuai. Saya fikir kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri melawat sekali-sekala khususnya di Negeri Trengganu dapat melihat sendiri dengan mata kepala akan rumah-rumah yang didiami oleh pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Kastam ini yang di bawah Kementerian. Saya rasa sudah tentu dan saya yakin bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri kita akan bermurah hati meluluskan dengan serta-merta untuk membuat satu bangunan yang sesuai untuk kakitangannya yang ditempatkan di negeri-negeri. Maaf, Tuan Pengerusi, saya tidak berapa tahu mengenai rumah-rumah kakitangan Kastam yang ada di Kuala Lumpur ini. Apa yang saya tahu ialah di negeri-negeri seperti negeri saya, Trengganu. Oleh hal yang

demikian, kalaulah Kementerian yang berkenaan masih rasa keberatan, saya rasa saya dengan penuh sukacita kalau Yang Berhormat Menteri kita sekali-sekala melawat ke Negeri Trengganu dan meninjau-ninjau anak buahnya yang duduk di sana. Dan saya dapat tahu bahawa kerja-kerja dan tanggungan bebanan yang dibebankan oleh Kerajaan kita kepada kakitangan yang berkenaan ini amatlah berat, kalau hendak difikirkan sekarang ini memang teruk, lebih-lebih lagi kepada kakitangan-kakitangan Kastam yang berada di sempadan negeri.

Ini saya sendiri pernah melihat bahawa selain daripada kerja-kerja mereka itu bertawakkal nyawa, dalam istilah kita tawakkal nyawa ertinya bergadai nyawa menghadapi penyeludupan dan sebagainya. Tetapi soal kemudahan-kemudahan yang patut diberi kepada mereka itu haruslah dipertimbangkan sama. Jangan kita selalu menimbang bebanan yang hendak diberi kepada mereka itu tetapi kita lupa menimbangkan kemudahan yang patut diberikan kepada mereka itu. Saya merayu di sini supaya diseimbangkan. Kita hendaklah timbang juga bebanan yang hendak diberikan kepada kakitangan kita, tetapi hendaklah kita menimbang sama kemudahan-kemudahan yang patut diberi kepada kakitangan kita. Saya bimbang, kalau perkara ini berlanjutan nanti, kita harap tidak berlaku, takut-takut kakitangan kita yang bertugas bertungkus-lumus siang malam menjaga kepentingan negara kita, lama-lama terasa frust, rasa jemu, rasa keciwa dengan perkhidmatan yang mereka beri kepada Kerajaan dan dengan apa yang mereka itu terima tidak seimbang. Maka takut-takut mereka akan mencari jalan keluar. Ini saya berharap tidak akan berlaku dan saya berdoa mudah-mudahan kakitangan kita ini akan cekal hati dan fikirannya tidak akan melakukan perkara-perkara yang kita semua tidak ingini. Tetapi walau bagaimanapun, saya mengulangi supaya Kementerian yang berkenaan dapat menimbangkan segera, dapat memikirkan segera dan dapat sekali-sekala melawat sendiri apa yang dibuat oleh kakitangannya di negeri-negeri yang jauh daripada Kuala Lumpur. Saya yakin dan percaya kalau di Kuala Lumpur, ini memanglah di hadapan mata pegawai-pegawai tinggi kita, di hadapan mata Yang Berhormat Menteri kita sendiri, saya rasa beliau cukup tahu, tetapi saya rasa kurang tahu benar-benar kalau yang di jauh-jauh ini, sebab itu saya merayu kepada Yang Berhormat Timbalan

Menteri, sekali-sekala cuba meninjau sendiri keadaan yang sebenarnya berlaku. Kalau hendak tahu mereka itu kerja berat, cuba pergi, jangan dapat khabar rasmi sahaja. Ini satu perkara yang harus dipertimbangkan.

Soal kelegkapan senjata, saya tidak hendak sebut di sini, sebab sudah beberapa kali disuarakan dan saya yakin dan percaya, ini mungkin dalam perjalanan yang baik yang ditimbang oleh Kementerian yang berkenaan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Tuan Pengerusi, saya rasa sekianlah sahaja dan saya menyokong peruntukan ini.

Tuan Oh Keng Seng (Petaling): Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap dalam dua perkara sahaja dalam perbahasan Kementerian Kewangan. Yang pertama ialah tentang pencen dan gratuity yang patut diberi kepada orang-orang yang bersara dalam Harun Commission.

Tuan Pengerusi, seperti kita semua maklum bahawa Kerajaan telah menerima dan menjalankan Harun Commission pada 1hb Januari, 1975 dan saya dapat tahu sudah dua tahun selepas menjalankan Harun Commission ini, tetapi Kerajaan belum membayar pencen dan gratuity kepada orang-orang yang bersara dalam Harun Commission ini.

Tuan Pengerusi, ramai orang

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, di bawah Kepala yang mana perkara ini disentuh?

Tuan Oh Keng Seng: Tuan Pengerusi, perkara ini ada berkaitan dalam B. 32, Aktiviti (1) Pentadbiran Am, Perbendaharaan, muka surat 231.

Tuan Pengerusi: Betulkah Yang Berhormat di bawah perkara pencen?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, sebenarnya kalau perkara ini menyentuh pembayaran pencen, itu tidak begitu tepat, bukan di bawah tanggungjawab Kementerian Kewangan.

Tuan Pengerusi: Kalau begitu di bawah tanggungjawab siapa, Accountant-General?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tidak.

Tuan Pengerusi: Tidak termasuk di bawah Perbendaharaan.

Tuan Oh Keng Seng: Ini complaint dari orang-orang yang berkenaan. Mereka ada bertanya kepada P.S.D. tetapi P.S.D. kata ini perkara Treasury.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, izinkan saya memberi penjelasan di sini. Sebenarnya P.S.D. adalah di bawah pentadbiran Jabatan Perdana Menteri dan bukan, saya ulangi, bukan Kementerian Kewangan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila buat rayuan kepada pihak yang berkenaan. Tumpukan kepada perkara-perkara yang berkenaan dengan Perbendaharaan sahaja.

Tuan Oh Keng Seng: Tuan Pengerusi, satu perkara tentang Penaksiran Cukai-cukai, B. 36, muka surat 255. Dalam masaalah ini, saya suka bertanya Yang Berhormat Menteri tentang sikap dan cara-cara penaksiran cukai-cukai oleh kakitangan Kementerian, oleh kerana saya ada dapat banyak complain dari orang-orang yang berharta apabila mereka hendak pindah nama harta itu, kakitangan Kementerian akan taksir harta itu dengan maximum dan tidak beritahu apa sebab-sebab dan cara-cara taksiran itu didapati. Satu masaalah lagi ialah jikalau Kerajaan mahu ambil harta orang-orang, Kerajaan memberi ganti-rugi yang minimum kepada orang-orang yang berharta. Jadi mana cara atau sikap mana untuk menjalankan taksiran itu, banyak orang tidak faham. Perbezaan itu sangat besar dan tidak adil dan saya harap Kerajaan memberi satu penjelasan atas perkara itu.

Saya boleh beri contoh tentang perkara itu ialah di kawasan saya. Apabila orang minta tukar hakmilik di kawasan Petaling Jaya, mereka terpaksa bayar cukai stamp kepada Jabatan Cukai. Mereka complain bahawa Kerajaan taksir harta-harta sangat tinggi dari harga pasaran. Ini tidak adil dan tidak sesuai. Dan satu perkara yang saya suka bangkitkan di sini ialah saya suka menyeru

Tuan Pengerusi: Apa berhabitnya dengan harga pasaran itu Yang Berhormat?

Tuan Oh Keng Seng: Market price.

Tuan Pengerusi: Market price atas barang apa?

Tuan Oh Keng Seng; Property atau harta samada rumah atau estet. Jadi taksiran ini tidak adil dan tidak sesuai serta tidak memuaskan.

Dalam perkara ini, Tuan Pengerusi, saya suka menyeru kepada Menteri dan saya mencadangkan di sini ialah patut Kerajaan tidak payah ambil cukai jikalau harta ini ialah pindahan daripada ibu-bapa kepada anak-anaknya. Ini sangat penting kalau sekiranya Kerajaan sentiasa bercakap mahu menjalankan house ownership democracy yang mana ini banyak menimbulkan masalah dalam perkara ini. Saya berharap Kerajaan membuat satu jalan supaya kalau seorang memohon minta pinda harta janganlah taksir dan terpaksa mereka bayar. Jikalau pindahan ini adalah dari ibu-bapa kepada anaknya.

Tuan Pengerusi, dalam Kementerian ini saya dapat tahu Kerajaan ada memperuntukkan sebanyak \$200 juta kepada Bumiputra Investment Fund.

Tuan Pengerusi, saya minta diberi penjelasan kepada Dewan ini dalam peruntukan wang sebanyak \$200 juta kepada fund itu, apakah cara-cara Kerajaan akan menjalankan terhadap Kumpulanwang ini dan beritahu kepada Dewan siapa Ahli-ahli yang dilantik untuk menjalankan dan mengawal perjalanan Kumpulanwang ini.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya mendapat tahu Kerajaan pun memberi satu bayaran khas kepada Negeri dan saya minta Menteri juga menjelaskan apa sebenarnya bayaran ini. Apa sebab bayaran ini dan adakah lain-lain negeri mendapat bayaran khas yang sama seperti bayaran khas kepada negeri Sarawak.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri sila jawab, tidak ada lagi Ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap.

5.25 ptg.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Parlimen yang telah memberi teguran-teguran dan syor-syor yang sangat berguna khususnya kepada mereka yang duduk atas bangku Barisan Nasional.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat menyentuh berkenaan dengan bayaran hadiah kepada informers hendaklah dibayar setimpal

dengan hasil yang diselamatkan. Ini adalah satu syor yang memang betul dan diakui oleh Kementerian saya sebagai yang baik. Sebenarnya Jabatan Kastam dan Eksais Diraja pada ketika ini pun sedang mengamalkan pembayaran hadiah-hadiah kepada informers mengikut mutu maklumat yang diberi. Ada kalanya hadiah-hadiah yang dibayar boleh meningkat kepada 50% daripada nilai harga barang-barang yang dapat ditangkap.

Beliau juga menyentuh berkenaan menjalankan pemeriksaan yang ketat di semua tempat-tempat masuk di negara kita terutamanya di Johor Bharu, Lapanganterbang Antarabangsa Subang dan sebagainya.

Saya suka maklumkan iaitu pemeriksaan Kastam di atas penumpang-penumpang ditempatkan masuk ke negeri ini biasanya dijalankan supaya tiap-tiap penumpang-penumpang diperiksa dengan sewajarnya, tidak kira penumpang-penumpang itu orang besar ataupun kecil, melainkan penumpang-penumpang tersebut dikecualikan oleh undang-undang daripada pemeriksaan Kastam. Walau bagaimanapun, pada masa-masa sibuk dan mendesak pegawai-pegawai Kastam dengan menggunakan pengalaman dan budi bicara mereka menjalankan pemeriksaan yang ringkas tetapi kemas juga supaya lalulintas tidak terjejas.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyentuh perkara pelaburan Bumiputra sebanyak \$200 juta dan telah menyatakan angka itu agaknya tidak mencukupi dan hendaklah sentiasa ditambah dari setahun ke setahun. Penyertaan 30% bumiputra pun telah diminta supaya diperhatikan.

Tuan Pengerusi, peruntukan \$200 juta ini dirasakan mencukupi untuk masa ini. Kerajaan akan menimbangkan sekiranya perlu kemungkinan untuk menambahkan peruntukan ini. Walau bagaimanapun adalah diharapkan peruntukan wang ini akan dapat ditambah kukuh dengan mengumpul kembali keuntungan yang didapati daripada pelaburan yang dibuat.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kepala Batas telah mengingatkan supaya pihak yang berkenaan berjaga-jaga dalam melaburkan peruntukan wang Pelaburan Bumiputra sebanyak \$200 juta. Beliau juga mengesyorkan supaya Ahli-ahli Parlimen diemput menjadi Ahli-ahli Lembaga Pengarah dalam syarikat-syarikat di mana wang Kerajaan dilaburkan. Untuk makluman Ahli Yang

Berhormat pegawai-pegawai yang mengawasi Pelaburan wang peruntukan \$200 juta itu adalah pegawai-pegawai yang berpengalaman yang telah juga diberikan latihan yang cukup. Dalam menjalankan pelaburan mereka panduan yang diikuti bukanlah untuk maksud spekulasi tetapi ialah untuk mendapatkan keuntungan yang baik daripada segi pemberian dividen dan kenaikan harga saham. Untuk mencapai matlamat ini, tiap-tiap pelaburan akan dikaji dari segi keuntungan. Saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada beliau atau syor-syor yang telah diberi yang dianggap oleh saya sebagai membina. Beliau juga telah membuat syor supaya diadakan sebuah tabung untuk pekerja-pekerja Kerajaan dan kakitangan-kakitangan badan-badan berkanun supaya gaji-gaji mereka itu dipotong tetap at source dengan kerjasama dan persetujuan mereka untuk disimpan walaupun kecil. Ini adalah satu syor yang baharu, dan berani dan Kementerian saya akan ambil perhatian atas syor ini supaya dikaji dan kalau didapati boleh dipraktikkan dan akan memberi faedah kepada keseluruhannya mungkin satu keputusan akan diambil. Beliau juga telah mengesyorkan layanan istimewa diberi kepada kaum bumiputra supaya sebahagian daripada \$200 juta itu ditanam seperti modal ekuiti dalam syarikat-syarikat bumiputra yang kurang modal selepas mereka itu mencuba habis-habisan untuk menjayakan diri dan supaya di samping syarikat-syarikat itu diberi bantuan dengan aktif dapat juga menolong bumiputra dalam mendapatkan modal ekuiti yang lebih. Kementerian saya pun akan ambil perhatian atas syor ini.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani telah menimbulkan soal kelewatan membayar bil-bil kepada kontraktor-kontraktor bumiputra. Saya suka memberitahu bahawa soal kelewatan pembayaran ini adalah dalam perhatian Kementerian saya dan telah dikaji oleh Kerajaan dan tindakan-tindakan sedang diambil untuk menentukan agar pembayaran-pembayaran ini dilakukan dengan segera oleh jabatan-jabatan Kerajaan kepada kontraktor-kontraktor khususnya kontraktor-kontraktor bumiputra.

Ahli Yang Berhormat dari Maran telah menyentuh beberapa perkara. Yang pertama mengenai dengan Pejabat Cukai Setem yang enggan menerima cek-cek daripada outstation. Saya suka menjelaskan bahawa Pejabat-pejabat Cukai Setem itu tidak menerima cek

bagi bayaran cukai setem, ada sebabnya, iaitu kerana banyak berlaku cek-cek tidak laku dan ini menimbulkan bermacam-macam kesukasan kepada pemungut. Walau bagaimanapun cek-cek Peguambela ataupun cek-cek daripada Peguamcara ataupun cek-cek bank, money order dan sebagainya diterima juga bagi bayaran cukai setem. Jabatan Hasil Dalam Negeri ada cadangan untuk menggunakan mesin Franking, di Pejabat Setem Kuantan dan juga di tempat-tempat besar yang lain dalam tahun 1977 dan dengan itu masalah yang dibangkitkan tidak akan timbul di masa hadapan. Pihak Perbendaharaan juga sedang mengkaji menyusun semula pemungutan cukai ini untuk melicinkan lagi pentadbirannya. Ahli Yang Berhormat tersebut telahpun mengatakan bahawa kontraktor-kontraktor antarabangsa diberi pendahuluan progress payment dan pembayaran akhir, jadi mereka ini tidak menghadapi masalah seperti yang selalu dihadapi oleh kontraktor-kontraktor kecil. Kerajaan memang sedar bahawa terdapat kelewatan di dalam pembayaran-pembayaran kepada kontraktor-kontraktor. Di antara sebab-sebabnya kelewatan ini berlaku ialah oleh kerana kontraktor-kontraktor sendiri tidak menyempurnakan peraturan-peraturan dan syarat-syarat kontrak. Walau bagaimanapun, di mana kelewatan ini disebabkan oleh Jabatan Kerajaan sendiri, tindakan sedangpun diambil untuk memastikan supaya bayaran-bayaran tersebut dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan dalam kontrak-kontrak yang berkenaan.

Berkenaan dengan soalan yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar mengenai wang pinjaman perumahan yang tidak mencukupi bagi pegawai-pegawai Kerajaan yang bergaji rendah, Kementerian sedang memberi pertimbangan. Tetapi walau bagaimanapun, wang pinjaman akan terpaksa dihadkan menurut kebolehan membayar balik pinjaman itu. Kementerian Kewangan juga sedang berusaha mendirikan rumah pangsa (flat) yang akan dibina oleh Syarikat Perumahan untuk Pegawai-pegawai Kerajaan.

Ada juga satu seruan supaya Kerajaan menggunakan sepenuhnya simpanan rakyat dalam Bank Simpanan Nasional. Tuan Pengerusi, saya suka menjelaskan iaitu di bawah Akta Bank Simpanan Nasional, 1974 bank tersebut memang dikehendaki membeli sekuriti-sekuriti Kerajaan. Sebahagian besar

dari simpanan rakyat dalam bank itu memang sedang digunakan untuk membiayai rancangan-rancangan pembangunan Kerajaan. Pada akhir tahun 1975 sahaja bank itu telah melaburkan \$605 juta dalam mana 95% adalah dalam sekuriti-sekuriti Kerajaan. Bank itu menjangka dapat melaburkan \$500 juta dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga dan jika ini tercapai berertilah pelaburan itu dua kali ganda lebih banyak daripada yang dilaburkan dalam masa Rancangan Malaysia Kedua. Wang simpanan rakyat dalam bank tersebut memang digunakan sepenuhnya untuk faedah rakyat sesuai dengan matlamat dan Dasar Ekonomi Baru. Kerajaan akan terus memastikan bank itu mencapai kejayaan dalam pelaksanaan tujuan penubuhannya.

Berkenaan dengan sekim-sekim pinjaman perumahan yang telah disyorkan supaya dilaksanakan segera oleh Bank Simpanan Nasional ini adalah semenangnya menjadi tujuan bank itu dan hendak menggiatkan khidmatnya kepada penyimpan-penyimpannya dan telahpun merancangkan Sekim Pinjaman Perumahan. Perkara itu sedang dihalusi oleh Perbendaharaan dan telah meminta bank itu merundingkan perkara pinjaman perumahan itu dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain yang melaksanakan rancangan perumahan dan langkah-langkah itu perlu dilakukan supaya tidak timbul pertimpalan (duplication). Sebarang rancangan pinjaman perumahan dari bank itu haruslah mengutamakan mereka yang berpendapatan rendah dan menambah (supplement) rancangan perumahan Kerajaan pada keseluruhannya. Dari masa ke semasa bank itu akan menimbangkan juga lain-lain corak pinjaman kepada penyimpan-penyimpan.

Berkenaan dengan seruan supaya khidmat Bank Simpanan Nasional itu diluaskan, saya suka memberitahu bahawa perkhidmatan secara wakil yang dijalankan oleh Pejabat-pejabat Pos sekarang ini adalah memuaskan. Walau bagaimanapun, untuk mendekati penyimpan-penyimpan dan menyediakan kemudahan-kemudahan yang lebih senang dan lebih menyeluruh dan cekap bank itu sedang mengaturkan rancangan hendak mengadakan cawangan-cawangannya sendiri. Mengikut rancangan perluasan yang sedang disusun sekarang bank itu berharap dapat mengadakan cawangan-cawangan di tiap-tiap ibu negeri dalam masa Rancangan Malaysia Ketiga. Di samping itu, pada masa ini bank

itu sendiri sudah mempunyai Yunit Bergerak bagi meliputi kawasan-kawasan FELDA dan Perairan Muda. Yunit Bergerak ini akan ditambah dari masa ke semasa untuk menjelajah ke setiap kawasan terpencil di tanahair kita.

Berkenaan dengan seruan supaya wanita-wanita mengalihkan wang dari membeli barang-barang kemas kepada simpanan dalam Bank Simpanan Nasional, sukalah saya menjelaskan ini adalah satu pandangan yang sangat baik dan Kementerian Kewangan mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah menimbulkan perkara itu. Bagaimanapun, saya ingin menambah dan menyeru supaya tabiat menyimpan dan berjimat juga harus digalakkan di kalangan kanak-kanak. Bank Simpanan Nasional telah menyusun sekim-sekim simpanan bagi kanak-kanak dan diharaplah ibubapa-ibubapa akan melatih anak-anak mereka menyimpan semasa mereka masih muda. Menyimpan adalah merupakan satu cara yang bijak untuk mengujudkan pengurusan kewangan yang teratur.

Berkenaan dengan Sekim Sijil Simpanan Premium, saya ingin mengucapkan terima kasih juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyuarakan tentang sekim ini dalam Dewan ini, terutama padangan Ahli Yang Berhormat dari Alor Setar, Setapak dan pada hari ini Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani. Rancangan hendak mengadakan sekim ini telahpun disusun oleh Bank Simpanan Nasional. Pegawai-pegawai bank itu telahpun membuat kajian tentang perkara ini di United Kingdom baru-baru ini. Pada masa ini persiapan-persiapan untuk melancarkan sekim ini sedang dijalankan. Adalah diharap Rancangan Sijil Simpanan Premium ini akan dilancarkan pada awal tahun depan. Sekim seumpama ini didapati sangat berjaya di United Kingdom dan tidak ada sebab rancangan ini tidak boleh berjaya di sini. Bagaimanapun, pihak Bank Simpanan Nasional akan membuat beberapa penyesuaian mengenai rancangan ini supaya ia mampu disertai oleh setiap lapisan rakyat. Mengenai langkah penerangan dan publisiti yang menyeluruh dan berhati-hati dijalankan mengenai rancangan ini, saya ingin memberi jaminan kepada Dewan ini bahawa rancangan Sijil Simpanan Premium ini akan didahului dengan penerangan yang tersusun dan sejelas-jelasnya agar ia tidak disalah mengertikan. Langkah-langkah awal telahpun dibuat untuk

menerangkan sekim ini kepada orang ramai dan kerjasama alat-alat sebaran am, terutama radio dan TV akan diperolehi. Kakitangan yang cekap juga akan diperlukan. Pada masa ini Bank Simpanan Nasional sedang giat mengambil kakitangan baru bagi membolehkan rancangannya dijalankan dengan cekap dan sempurna.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa)

Berkenaan dengan pertanyaan mengapakah tidak ada peruntukan bagi Bank Simpanan Nasional: Bank Simpanan Nasional diuruskan sendiri tanpa bantuan dari Perbendaharaan. Ini adalah mengikut Akta Penubuhan Bank itu. Itulah sebabnya. Pada masa ini bank itu telah dapat bergerak lancar, bagaimanapun Perbendaharaan mengikuti perkembangan bank itu dengan teliti dan jika didapati bank itu perlu bantuan, bila-bila masa sahaja Perbendaharaan akan menimbangkannya.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah menyentuh perkara Penaksiran Cukai dan mengikut beliau ada perkara ataupun kejadian nilai yang tidak betul, saya tidaklah dapat menjawabkan soalan ataupun teguran ini jika beliau tidak boleh mengemukakan kes-kes yang specific supaya saya dapat mengarahkan penyiasatan dibuat oleh pegawai-pegawai yang berkenaan. Pada keseluruhannya adalah dalam pengetahuan saya. Pegawai-pegawai Penilaian di bawah jagaan Kementerian Kewangan adalah sentiasa menjalankan tugas dengan baik dan dengan jujur.

Beliau juga telah menyentuh perkara wang \$200 juta untuk membantu Bumiputra dan saya suka menjelaskan di sini wang itu ditadbirkan oleh suatu Lembaga yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Encik Abdul Ghafar bin Baba. Ahli-ahli Lembaga ini terdiri daripada orang-orang yang berpengalaman dalam bidang perniagaan dan pelaburan. Wang ini akan dilaburkan di antara lain untuk pembelian saham-saham, pelaburan ekuiti dalam syarikat-syarikat, Syarikat Leasing, Syarikat Pinjaman Kewangan dan pelaburan dalam bank saudagar (merchant bank). Dengan cara ini pihak Lembaga akan dapat membesarkan ataupun meluaskan bidang pelaburannya dan mengurangkan kemungkinan berlakunya kerugian. Walau bagaimanapun, sebagaimana telah saya

nyatakan tadi pegawai-pegawai yang berkenaan akan selalu mengawasi perjalanan syarikat dan juga pasaran-pasaran saham.

Keuntungan yang telah dicapai pada masa lalu, kecekapan Lembaga Pengurus, dividen-dividen yang telah dikeluarkan, jenis badan-badan yang telah dibuat prospeknya pada masa hadapan adalah cerah. Dengan cara ini pihak yang berkenaan berharap untuk mengurangkan bahaya daripada berlakunya kerugian.

Berhubung dengan syor untuk mendapatkan Ahli-ahli Parlimen di dalam Lembaga Pengarah, saya rasa perkara ini terpulanglah kepada syarikat-syarikat yang berkenaan dengan perjanjian yang dibuat di antara pihak syarikat-syarikat dengan pihak-pihak pelabur.

Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah merungut di Cawangan Penaksiran, Damansara Height tidak mempunyai kemudahan bagi orang awam iaitu khidmat talipon awam, tandas, kaunter yang tidak sesuai dan kurang tempat duduk. Oleh kerana kesempitan ruang pejabat, tidaklah dapat disediakan tempat menanti yang luas untuk memuatkan tempat duduk yang banyak. Orang awam yang bertanya cukai mereka sedaya-upaya dilayan dengan segera dan dibawa ke bilik-bilik khas temuduga. Mereka yang ingin menggunakan tandas dibawa menggunakan tandas dalam pejabat. Mengenai kaunter pula, ini dibuat bagi kegunaan bercakap apabila duduk di ruang yang dibuka luas. Apabila ditemuduga, pembayar cukai dibawa ke bilik-bilik khas. Tindakan akan diambil untuk memperbaiki lagi kemudahan awam di pejabat tersebut.

Beliau juga telah menuduh Jabatan Hasil Dalam Negeri menghabiskan masa menanyakan butir-butir kewangan peniaga kecil dan sepatutnya tenaga patut ditumpukan pada perniagaan besar.

Tuan Pengerusi, Jabatan bukan sahaja menumpukan masa dengan kes-kes kecil, bahkan kes-kes besar sentiasa disiasat dan ini diselenggarakan oleh cawangan khas iaitu Bahagian Penaksiran Syarikat dan Bahagian Penyiasatan. Peniaga-peniaga kecil merupakan bilangan pembayar cukai yang banyak dan kes mereka juga perlu diteliti.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus telah mencadangkan supaya bantuan daripada Kerajaan Pusat ke Negeri-negeri, kalau saya tidak salah yang maksudnya ialah capitation grant hendaklah dianalisa dan dikaji semula. Saya suka memberitahu Dewan ini, perkara inipun sedang dikaji dengan aktif dan sebuah Rang Undang-undang akan dibentangkan dalam Dewan ini tidak lama lagi. Beliau pula telah menyuarakan supaya lebih bantuan kewangan diberikan kepada kawasan mundur. Ini memang sebahagian daripada strategi di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan akan dijalankan juga.

Berkenaan dengan kekurangan kemudahan asas dalam kawasan-kawasan mundur itu, Kerajaan sentiasa mengawasi supaya menarik perindustrian ke kawasan-kawasan itu dengan berbagai-bagai incentives.

Berkenaan dengan kediaman pegawai-pegawai kastam yang dikatakan terlalu kurang memuaskan, saya suka memberitahu Dewan ini saya sendiri telah diarah oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan supaya semua aspek perusahaan Kastam dan Eksais Di Raja diawasi termasuklah perkara kediaman-kediaman pegawai kita. Sebenarnya, saya pun telah melawat beberapa stesyen kastam dan perhatian saya telahpun ditarik kepada perkara ini.

Atas syornya supaya saya buat lawatan ke Trengganu, saya akan membuat begitu dan saya akan anggap syor itu sebagai suatu jemputan dan saya akan terima dan akan membuat satu lawatan tidak lama lagi. Saya suka memberi jaminan kepada beliau, walaupun seorang Timbalan Menteri, tetapi pada dasarnya saya juga seorang Ahli Parlimen juga yang sama dan tentulah faham dengan mendalam masala-masalah yang dihadapi oleh semua back-banchers kita dan atas syorsyor yang telah dibuat itu saya akan ambil perhatian dengan baik.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Seremban telah cuba memberi nasihat kepada Kementerian Kewangan supaya menjaga baik wang Kerajaan ataupun wang orang ramai. Ini memanglah ada dalam pengetahuan kita dan sekiranya beliau masih ingat, Yang

Berhormat Mulia Menteri Kewangan pun telah menjelaskan dalam ucapan Anggaran beliau yang berbunyi:

“Setiap ringgit itu diperhitungkan dan setiap ringgit itu hendaklah digunakan sepenuhnya.”

Saya suka memberi tahu kepada beliau, Kementerian Kewangan memang sedar akan falsafah ini.

Berkenaan dengan cukai-cukai tidak langsung yang mengikut beliau hendaklah dikaji balik, saya suka memberitahu kepada beliau cadangan-cadangan dalam ucapan Belanjawan Yang Berhormat Mulia itu telah disambut baik, bukan sahaja dalam Dewan ini, akan tetapi di luar Dewan juga. Dan saya kurang faham apa sebabnya beliau telah cuba membandingkan masyarakat kita dengan masyarakat di China ataupun di Sweden. Beliau pun telah menimbulkan sedikit sebanyak kekeliruan di Dewan ini atas kenyataan yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini yang kononnya telah menyatakan falsafah sosialisma tidak begitu tepat untuk digunakan dalam negara kita. Apa yang telah mengelirukan kita ialah beliau telah menyebut dua negara asing itu. Pertama, China iaitu komunis dan satu lagi Sweden iaitu sosialis. Dan kekeliruan itu ialah, Tuan Pengerusi, saya tidak tahulah dalam pandangan beliau itu adakah sama di antara sosialisma dengan komunisma.

Ahli Yang Berhormat dari Pekan telah menyentuh perkara Sime Darby dan saya bersetuju dengan beliau iaitu tidaklah tepat sangat jika ada pihak-pihak yang membuat tuduhan bahawa Kerajaan kita menjalankan satu dasar memilik-negarakan melalui pintu belakang. Memanglah bukan dasar Kerajaan kita untuk menjalankan dasar nasionalization dalam apa bentuk pun. Saya ucapkan terima kasih kepada beliau atas pandangan-pandangan yang telah dikemukakan. Saya suka memberi jaminan juga teraju Kerajaan kita adalah dipegang oleh pemimpin-pemimpin yang bijak dan mempunyai semangat berdikari dan bukan oleh mereka yang menerbitkan majalah-majalah antara-bangsa tertentu.

Berkenaan dengan pinjaman perumahan ataupun rancangan perumahan harga murah, saya ingin menambah sedikit sahaja, Tuan Pengerusi, iaitu rancangan ini pada masa ini adalah dalam pandangan berat oleh

Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan sendiri dan saya suka memberitahu Dewan ini bahawa beliau sangatlah berminat menjalankan satu rancangan yang efektif dan berkesan supaya rakyat kita yang berpendapatan rendah itu dapat rumah-rumah sendiri pada satu masa kelak. Saya juga suka memberitahu Dewan ini Yang Berhormat Mulia Menteri sendiri akan membuat satu kenyataan yang penting dalam perkara ini lebih kurang pada pertengahan bulan yang akan datang iaitu bulan Disember.

Yang Berhormat dari Selayang telah membuat satu teguran iaitu berkenaan dengan diskriminasi tentang wanita dalam dasar cukai pendapatan. Kementerian ini akan mengambil perhatian atas teguran yang telah dikemukakan itu dengan maksud baik akan tetapi saya suka membuat jaminan di sini bahawa langkah-langkah baru dalam perkara ini adalah hasil daripada kajian sedalam-dalamnya yang dipercayai paling adil pada masa sekarang dan jika Ahli Yang Berhormat itu merasa ada sedikit diskriminasi lagi, saya suka menyatakan diskriminasi itu tidak dibuat dengan sengaja.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani telah mengingatkan Kementerian Kewangan supaya jangan terlalu bergantung kepada pakar-pakar asing dalam urusan-urusan kewangan. Saya ucapkan terima kasih di atas peringatan itu. Kita memang sentiasa mengawasi keadaan ini. Pada masa yang lampau dan juga pada masa sekarang kita belum pernah terlalu bergantung kepada pakar-pakar asing dalam urusan kewangan. Kita juga ada mempunyai pakar-pakar sendiri walaupun kadangkala pakar-pakar kita bekerjasama dengan pakar-pakar asing.

Berkenaan dengan kelambatan pembayaran kepada kontrektor itu saya telahpun memberikan jawapan tadi dan tidak payah saya ulang-ulangan.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja yang dapat saya menjelaskan kepada Dewan ini dan sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan yang sangat berguna. Sekiranya ada sedikit-sebanyak kesilapan saya kerana tidak memberi jawapan pada petang ini, saya memberi jaminan Hansard yang belum disemak yang akan dikeluarkan esok akan dikaji supaya tiap-tiap syor dan teguran itu dikaji dengan men-

dalam dan ditimbangkan, dan di mana-mana perlu tindakan yang sesuai mungkin akan diambil. Terima kasih.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$19,482,900 untuk Kepala B. 32, \$99,322,820 untuk Kepala B. 33, \$368,020,000 untuk Kepala B. 34, \$39,599,000 untuk Kepala B. 35 dan \$24,887,900 untuk Kepala B. 36 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$206,100,010 untuk Kepala P. 32, \$17,348,780 untuk Kepala P. 35 dan \$200,000,000 untuk Kepala P. 67 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 1977.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA

HARI RAYA HAJI

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka mengumumkan iaitu satu perisytiharan daripada Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Melayu telah mengeluarkan kenyataan seperti berikut:

“Menjunjung Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah diperkenankan oleh Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja, Penyimpan Mohor Besar Raja-raja mengisytiharkan bahawa tarikh Hari Raya Haji bagi Tahun 1396 Hijrah dan 1976 Masihi telah ditetapkan pada hari Rabu, 1hb Disember, 1976.”

Oleh itu, pada hari esok Dewan tidak akan bersidang.

Dewan bersidang semula sebagai Jawatankuasa

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Kepala B. 37 (Jadual)—

Kepala P. 37 (Anggaran Pembangunan 1977)

6.14 ptg.

Menteri Perusahaan Awam (Datuk Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Pengerusi, saya memohon agar Anggaran Belanja Mengurus

dan Pembangunan Tahun 1977 bagi Kementerian Perusahaan Awam yang berjumlah \$434,223,610 diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Dari jumlah ini \$39,527,600 ialah bagi Belanja Mengurus di bawah Kepala Bekalan B. 37 dan yang baki \$394,696,010 itu adalah Anggaran Belanja Pembangunan di bawah Kepala Pembangunan P. 37.

Tuan Pengerusi, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat terlebih maklum Kerajaan telah-pun dan akan melaksanakan berbagai-bagai rancangan untuk mencapai hasrat dan cita-citanya bagi memenuhi Dasar Ekonomi Baru. Salah satu daripada usaha-usaha ke arah ini ialah dengan menggalakkan penglibatan Bumiputra dalam lapangan perindustrian dan perniagaan.

Berbagai-bagai langkah dan cara telah diambil seperti penubuhan badan-badan awam dan agensi-agensi Kerajaan yang mempunyai tugas-tugas tertentu dan menjalankan berbagai-bagai kegiatan bagi mencapai matlamat-matlamat tersebut. Daripada badan-badan awam dan agensi-agensi tersebut, 19 daripadanya adalah terletak di bawah Kementerian ini.

Untuk Belanja Mengurus Kementerian bagi tahun 1977 adalah dikehendaki sebanyak \$982,000 berbanding \$822,100 bagi tahun 1976. Bertambahnya peruntukan ini ialah kerana bertambahnya bilangan pegawai-pegawai di Kementerian ini untuk membolehkan Kementerian menjalankan tugas-tugasnya dengan lebih berkesan lagi terutama dari segi mengawasi perjalanan bukan sahaja Badan-badan di bawah tanggungjawab Kementerian ini; tetapi juga anak-anak syarikat Badan-badan tersebut.

MARA

Bagi Belanja Mengurus, MARA telah diperuntukkan sebanyak \$31,766,000 untuk tahun 1977. Sebagai sebuah Perbadanan Awam yang ditugaskan untuk membantu, mendorong, membimbing dan melatih Bumiputra supaya menyertai dengan lebih cergas dalam kegiatan-kegiatan perdagangan dan perusahaan maka MARA telah diberi peruntukan sejumlah \$136,275,000 untuk perbelanjaan pembangunan. Berbagai projek dan rancangan telah diatur oleh MARA berkaitan dengan pelajaran, perdagangan dan perusahaan, perkhidmatan pengangkutan, pinjaman,

khidmat nasihat, pembangunan enterprais dan juga projek-projek bagi Lembaga Kraftangan Malaysia.

Sebahagian besar dari jumlah belanja pembangunan ini diperuntukkan bagi rancangan-rancangan pelajaran, perdagangan dan perusahaan dan projek-projek Lembaga Kraftangan Malaysia. Bagi tempoh tahun 1977 MARA akan meneruskan kegiatan-kegiatan latihan dan pendidikan termasuk pemberian biasiswa dan bantuan pinjaman pelajaran.

Untuk latihan kemahiran pula, Instituti Kemahiran MARA di Lumut dijangka akan siap pada tahun 1977 dan pembinaan Instituti Kemahiran MARA di Kuala Lumpur dijangka akan dimulakan dalam tahun yang sama. Maktab Rendah Sains MARA di Kulim dan di Kuala Trengganu dijangka akan siap pada tahun 1977 juga. Dua lagi Maktab baru iaitu sebuah di Johor dan sebuah di Selangor akan juga dibina di dalam tahun 1977. \$11,405,000 telahpun diperuntukkan bagi tujuan ini.

Bagi usaha-usaha di bidang perdagangan dan perusahaan bagi tempoh tahun 1977 kegiatan-kegiatan akan ditumpukan khususnya kepada usaha "consolidation" atau memperkemaskan anak-anak syarikat terutama berkaitan dengan kecekapan pengurusan, pemasaran, memperbaiki keadaan modal syarikat dan meningkatkan tingkat kecekapan pengeluaran.

Lembaga Kraftangan Malaysia pula akan memperlengkap dan membesarkan lagi pusat-pusat penyelidikan dan kemajuan kraftangan yang sedia ada di Kuala Trengganu, Kota Bharu, Temerloh, Seremban dan Kuala Kangsar. Di samping itu Lembaga ini akan melancarkan perusahaan batu marmar di Baling, Kedah dan tekat-menekat di Kuala Kangsar.

Dalam usaha-usaha khidmat nasihat dan pembangunan enterprais pula rancangan-rancangan baru yang akan dilaksanakan ialah membentuk usahawan-usahawan Bumiputra yang baru, memaju serta memodenkan usaha-usaha yang mempunyai potensi serta mengadakan kajian dan penyelidikan. Dalam tahun 1977 kira-kira 5,000 Bumiputra dijangka akan dapat diberi latihan di bidang pengurusan, perniagaan khususnya dari segi pengurusan, simpan kira-kiira/perakaunan, kesetiausahaan syarikat dan pemasaran.

Dari segi rancangan pinjaman pula, MARA akan lebih menumpukan perhatian kepada pengusaha-pengusaha terutama dari sektor pembinaan, pengangkutan, perkhidmatan dan pembuatan yang sukar mendapat bantuan pinjaman dari institusi-institusi dan agensi-agensi kewangan yang lain.

LEMBAGA PADI DAN BERAS NEGARA (LPN)

Bagi Belanja Mengurus, LPN mendapat peruntukan \$6,779,600 untuk tahun 1977. Untuk Belanja Pembangunannya pula LPN menerima sejumlah \$14,990,000.

Satu Bahagian Perlesenan telah ditubuhkan dalam tahun 1976. Bahagian ini akan bertanggungjawab ke atas kawalan, penyelarasan dan mengadakan peraturan-peraturan perlesenan ke atas perniagaan padi, pengilang dan perniagaan beras dan ke atas impot alat-alat gantian kilang-kilang padi.

Untuk membolehkan LPN menjalankan tugas-tugasnya dengan lebih berkesan dan efektif lagi dan bagi mendapatkan kerjasama yang lebih rapat dengan Kerajaan-kerajaan Negeri maka perlulah diadakan Pejabat Negeri LPN di tiap-tiap Negeri. Oleh itu di dalam tahun 1977 LPN akan mempunyai Ibu Pejabat Negeri bagi tiap-tiap Negeri kecuali Negeri Sembilan dan Melaka. Kedua-dua buah negeri ini akan mempunyai satu sahaja Ibu Pejabat Negeri dan ini akan ditempatkan di Melaka.

Pembelian padi di kawasan-kawasan pengeluaran padi di Besut (Trengganu), Pasir Putih (Kelantan), Tiram Buruk dan Sekinchan (Selangor), Simpang Lima, Krian (Perak) dijangka akan dapat ditambah apabila siap kelak 6 buah kompleks integrasi itu pada akhir tahun 1976 ini.

Adalah dijangka semua projek-projek baru, iaitu pembinaan sebuah Ibu Pejabat Cawangan di Alor Star, sebuah bengkel di Alor Star dan sebuah gudang beras di Kuching Sarawak, akan siap menjelang akhir tahun 1977.

PERBADANAN PEMBANGUNAN BANDAR (UDA)

Anggaran Belanja Mengurus bagi UDA untuk tahun 1977 ialah \$2 juta dan jumlah Belanja Pembangunan ialah \$69,515,000. Di antara rancangan-rancangan yang akan dijalankan untuk tahun 1977 ialah pembelian

tempat-tempat perniagaan di kawasan-kawasan strategik untuk membolehkan Bumiputra menjalankan perniagaan serta memajukan harta.

Selain dari itu UDA juga bergiat dengan cara menyertai dalam perniagaan dan ini dijalankan untuk menggalakkan lagi Bumiputra yang cenderung terhadap perniagaan untuk menyertai lapangan tersebut terutamanya di dalam usaha-usaha bercorak teknikal. Selain dari itu UDA juga melibatkan diri di dalam pembangunan semula bandar khususnya di Ibu Kota dan di Ibu-ibu Negeri secara usahasama dengan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri di bawah konsep PERUDA.

PERBADANAN-PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI

Mengenai belanjawan pembangunan untuk tahun 1977 bagi Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri peruntukan yang diberi ialah sebanyak \$124 juta kesemuanya dalam bentuk pinjaman berbanding dengan peruntukan sebanyak \$82 juta dalam tahun 1976. Aktiviti-aktiviti Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri termasuklah penyertaan di dalam industri samada persendirian atau usahasama dengan syarikat-syarikat dalam dan luar negeri, pembangunan bandar-bandar baru dengan usahasama UDA, pembangunan kawasan-kawasan perindustrian perlombongan dan juga melaburkan modal serta menyertai di dalam projek-projek pertanian. Oleh itu aktiviti-aktiviti Perbadanan-perbadanan kemajuan Ekonomi Negeri adalah berbeza-beza di antara satu negeri dengan yang lain kerana ini bergantung bukan sahaja kepada kecekapan pengurusan, bilangan kakitangan Perbadanan itu tetapi juga kepada keadaan ekonomi, keadaan tanah dan sumber-sumber alam semula jadi bagi satu-satu Negeri itu.

FIMA

Untuk Syarikat Perusahaan Makanan Malaysia Sendirian Berhad (FIMA) pula, Kumpulan FIMA Sdn. Bhd. telah diberi tugas untuk memaju dan menggalakkan pertumbuhan perusahaan-perusahaan yang berasaskan pertanian. Oleh yang demikian untuk mencapai objektif ini Kerajaan telah memberi peruntukan Pembangunan kepada FIMA sejumlah \$12,916,000 untuk tahun 1977 bagi

menjalankan projek-projeknya berbanding dengan peruntukan yang diberi hanya \$4 juta sahaja dalam tahun 1976.

FIMA sedang giat berusaha dan memajukan kawasan ladang gajus seluas 6,378 ekar di Besut, Trengganu dan 2,622 ekar di Pahang. Mengikut kajian yang telah dijalankan oleh FIMA, tanaman gajus boleh diusahakan dengan kos yang berpatutan di tanah-tanah pasir terutama di kedua-dua kawasan yang disebutkan tadi. Ini bukan sahaja akan menambahkan peluang pekerjaan kepada nelayan-nelayan tetapi juga menambahkan pendapatan mereka. Pada masa ini FIMA sedang merancang untuk membekalkan benih-benih gajus bermutu tinggi kepada petani-petani untuk mendapatkan hasil yang lebih banyak.

FIMA juga memerlukan peruntukan bagi mendirikan sebuah kilang memproses minyak kelapa sawit untuk dijadikan margarine, minyak sapi (ghee) dan minyak masak. Faedah-faedah yang akan diperolehi dari penubuhan kilang ini akan memberi pekerjaan kepada penduduk di kawasan itu dan dianggarkan Negara akan dapat menyelamatkan tukaran asing bernilai \$5 juta setahun.

Projek-projek lain yang akan dilaksanakan dalam tahun 1977 ialah mengetinkan buah-buahan dan pembukaan ladang-ladang buah-buahan di Kedah memproses dan menanam gajus di Trengganu dan projek mengetinkan ikan di Kelantan.

MSE (Limbongan Kapal di Johor)

Sebuah lagi Perbadanan Awam yang baru diletakkan di bawah Kementerian ini ialah Limbongan Kapal dan Kejuruteraan Malaysia Sendirian Berhad atau MSE dan telah diberi "token vote" sebanyak \$10 bagi Belanja Pembangunan. Tugas utama Perbadanan ini ialah membina sebuah limbongan kapal yang besar di Pasir Gudang Johor. Bagi permulaannya Perbadanan tersebut akan menumpukan kepada kerja-kerja membaiki kapal-kapal dan dalam jangka panjang selepas mendapat pengalaman yang cukup MSE merancang untuk meluaskan operasinya kepada bidang-bidang mengeluarkan jentera-jentera, pelantar minyak dan pembinaan kapal.

BANK PEMBANGUNAN

Bank Pembangunan sebenarnya tidak lagi di bawah pengawasan Kementerian Perusahaan Awam. Tetapi untuk penyaluran wang, peruntukan masih diletak di bawah Kementerian ini. Bank Pembangunan diberi peruntukan sebanyak \$35 juta bagi tahun 1977.

Tuan Pengerusi, dengan ini saya memohon Anggaran Belanja Mengurus dan Pembangunan bagi Kementerian Perusahaan Awam yang berjumlah \$434,223,610 itu diluluskan.

6.28 ptg.

Tuan Haji Jamil bin Ishak (Tanjong Karang): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan di bawah Kepala B. 37 dan saya suka sekali menyentuh perkara muka surat 263 Pecahan-kepala 1100 (1) Bahagian Pentadbiran.

Yang Berhormat Menteri baru tadi menerangkan begitu intensifnya dan begitu menggalakkan segala usaha Kementerianya untuk menolong dan menjalankan usaha-usaha bagi menjayakan dan memajukan terutamanya kepada orang-orang kita, orang-orang Melayu berkaitan rancangan-rancangan pembangunan di luar bandar. Di sini suka sekali saya mengulang balik teguran saya pada tahun sudah iaitu berkenaan dengan pegawai ditiap-tiap daerah. Bagi tempat saya iaitu Tanjong Karang cuma ada seorang pegawai sahaja dan matlamat objektif MARA bermacam-macam anika. Semenjak saya jadi Wakil Rakyat dua tahun lebih saya tidak nampak satu usaha MARA menjalankan apa-apa aktivitinya di tempat saya kerana pegawainya tidak ada kemampuan untuk menjalankan tugas dan menyiasat untuk membuat pertolongan kepada orang-orang di sana.

Adapun pinjaman kepada pemborong Bumiputra, itu pun tidak setakat mana.

Kemudian wang yang dipinjamkan kepada pemborong tadi tidak ada follow up dan apa yang telah terjadi pada hari ini, pemborong itu pun tenggelam tidak dapat memajukan kerjanya kerana tanpa kawalan, tanpa bimbingan dan sebagainya. Inilah teguran saya dan saya harap Yang Berhormat Menteri dapat mengambil perhatian supaya boleh menambahkan pegawainya dengan cukup ke daerah saya, kerana kawasan itu sangat luas dan Yang Berhormat Menteri pun faham

bahawa kawasan sawah padi maju dan giat berkembang petani-petani pun hendak bergerak maju dan boleh berusaha lebih luas lagi jika MARA dapat memberikan bantuan kepada mereka.

Yang keduanya, saya menyentuh Kepala P. 37, Pecahan-kepala 5—Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN). Saya mengucapkan terima kasih dan berbesar hati dengan adanya Komplek LPN di Sekinchan dan harga pasaran padi di kawasan itu terjamin. Ini merupakan satu dorongan kepada petani-petani di situ, tetapi masalaahnya sekarang ini ialah berkenaan dengan cara membeli padi kepada petani-petani adalah berlainan sekali daripada di sebelah utara. Di kawasan saya masih menggunakan Syarikat Kerjasama yang ada untuk mewakili LPN membeli padi. Syarikat-syarikat Kerjasama yang kecil ini, masalaahnya kita faham iaitu pentadbiran mereka tidak begitu betul, apatah lagi kalau diwakilkan oleh LPN untuk membeli padi. Keadaan seperti ini menimbulkan kurang puas hati mengenai layanan dan cara wakil agen LPN tadi iaitu syarikat-syarikat kilang padi ini membeli padi daripada petani-petani terutamanya bahagian menilai (grading) mutu padi, kerana penilai (grader) itu ialah daripada petani itu sendiri dan juga ahli syarikat itu. Petani di sana bersungut mengatakan mereka ini tidak ada kelulusan dan tidak ada kelayakan, selalu timbul masalah pilih kasih, masalah keadilan dan sebagainya. Ini banyak menjadikan rungutan dan kadang-kadang menimbulkan perkelahian. Saya rasa sudah sampailah masanya bila sudah ada Komplek di sana, LPN sendiri menyediakan gradennya iaitu sebagai grader bebas yang dapat memberi confidence kepada petani-petani sendiri.

Saya suka menyuarakan sekali lagi iaitu LPN patutlah mengadakan transport untuk mengangkut padi daripada kawasan pedalaman, kawasan yang jauh daripada Komplek tempat membeli padi. Ini boleh membantukan petani menambahkan hasil pendapatan, petani tidak membayar harga transport untuk mengeluarkan padi mereka.

Perkara yang ketiga, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan bantuan Kementerian ini kepada SEDC Selangor. Saya bagi pihak Negeri Selangor berharap supaya mendapat pertimbangan dan jasa baik Yang Berhormat Menteri menimbang supaya dapat memberi peruntukan yang lebih sedikit bagi me-

majukan PKNS di Negeri Selangor untuk menjalankan rancangannya yang begitu luas kerana kehendak-kehendak ataupun aktiviti dan program yang disediakan sangat banyak dan sangat pesat. Kalaulah peruntukan yang ditentukan itu pada tahun akan datang ini mungkin tidak begitu mencukupi seperti Yang Berhormat Menteri faham bahawa keadaan Kuala Lumpur dan Negeri Selangor ini seperti Petaling Jaya dan sebagainya bahawa pembayaran berkehendakkan peruntukan yang sangat banyak. Perkara yang lain ialah berkenaan dengan mewujudkan tenaga manusia yang terlatih untuk memenuhi keperluan negara.

Sebagaimana dalam Buku Anggaran Belanjaan ini cuma terhad jangkaan penuntut yang akan mendapat bantuan sebanyak 490 orang untuk diberikan biasiswa dan sebanyak 285 orang bagi mendapatkan pinjaman pelajaran. Pada pendapat saya ini sangat kurang dan tidak menggalakkan kerana bilangan mereka begitu terhad. Saya rasa ini patut diperluaskan kerana perkembangan dalam lapangan kemahiran ini bertambah pada tiap-tiap tahun, jadi saya harap dapat dipertimbangkan supaya anak-anak muda kita dapat peluang yang banyak dalam bidang ini.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan kenderaan. MARA menjalankan usaha kenderaan. Saya mengharapkan MARA juga tolong memberi kemudahan, bimbingan ataupun pertolongan kepada kenderaan syarikat yang bersendirian iaitu syarikat bumiputra, seperti Syarikat Tanjong Karang—Sabak Bernam yang keadaannya "hidup segan mati tidak mahu" supaya dapat diberikan satu dorongan agar syarikat ini pulih semula dengan memberikan bantuan serta mengadakan satu siasatan untuk menghidupkan semula atau memberikan tenaga yang baik supaya syarikat ini dapat berjalan seperti sediakala, dengan ini akan dapat memberikan khidmat (service to public) di kawasan itu. Kalaulah dibiarkan begitu sahaja, saya percaya syarikat ini tetap tidak dapat menjalankan perkhidmatannya.

Tuan Pengerusi, saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri mengenai masalah pengambilan pekerja-pekerja LPN. Pada masa mesyuarat yang sudah, saya telah menyuarakan supaya LPN dapat mengutamakan anak-anak tempatan dan ini sudah dibuat tetapi ada lagi ketinggalan. Saya rasa ini patut dikaji semula, kalau perlu dipanggil interview

sekali lagi supaya dapat menyenangkan hati semua golongan, yang pada masa sekarang keadaan ini sangat rumit dan memberikan kesusahan kepada UMNO Bahagian Tanjong Karang, kerana telah dituduh tidak dapat menjalankan permintaan sebagaimana keadaan yang sebenarnya.

Saya percaya Yang Berhormat Menteri telah menerima surat petition daripada UMNO Bahagian dan ini haruslah dipertimbangkan, mudah-mudahan muhibbah di antara pemuda-pemuda di tempat itu dengan LPN dapat dipelihara dan dapat memberikan kerjasamanya pada masa akan datang dengan lebih erat lagi.

6.40 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungan): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap sedikit iaitu berkenaan dengan P. 37 Pecahan-kepala 1—Pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Negeri.

Tuan Pengerusi, peruntukan yang diberi sebanyak \$115 juta ini adalah baki memandangkan kepada projek-projek yang dijalankan oleh pihak Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri. Saya cuma ingin menyebutkan di sini ialah untuk perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya projek-projek yang dijalankan oleh pihak Perbadanan-perbadanan Negeri ini biarlah berjaya benar, kerana selama ini banyak projek-projek yang dijalankan oleh Perbadanan-perbadanan Negeri tidak berjaya samada mana-mana negeri sekalipun kita dapati banyak yang tidak berjaya, malah menimbulkan masalah pula kepada Kerajaan tentang beban pekerja, beban pegawai dan sebagainya. Ini disebabkan oleh kajian-kajian yang kurang tepat dan dikendalikan pula oleh orang-orang yang tidak berkemahiran walaupun ada mempunyai pelajaran. Oleh itu, Tuan Pengerusi, saya minta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ambil perhatian dalam hal ini supaya kejadian-kejadian ini tidak berlaku lagi pada masa yang akan datang. Kita boleh melihat bagaimana sesuatu negeri mengadakan projek misalnya, di Trengganu ada satu projek garam tetapi tidak berjaya dan akhirnya ditutup. Di Pahang juga ada projek yang ditutup dan mengalami kerugian dan demikian juga di tempat-tempat yang lain. Jadi, Tuan Pengerusi, saya harap perkara ini benar-

benarlah diawasi kerana peruntukan yang diberi ialah untuk kemajuan dan untuk kejayaan.

Selain daripada itu, dalam hal ini saya ingin mengingatkan iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri janganlah bertanding dengan pengusaha-pengusaha bumiputra sendiri. Kalau satu negeri ada pengusaha-pengusaha bumiputra yang menjalankan projek perumahan untuk dijual kepada rakyat, jangan pula Perbadanan Kemajuan Negeri menubuhkan atau membuat satu rancangan projek perumahan lawan dengan pengusaha bumiputra. Demikian juga kalau pengusaha bumiputra itu buat batik, jangan pula Perbadanan Kerajaan buat batik lawan bumiputra. Belacan pun begitu juga dan sebagainya. Ini tidak sesuai, Tuan Pengerusi. Saya cadangkan sebaik-baiknya kalau ada pengusaha-pengusaha bumiputra yang telah pun kukuh dalam perusahaannya sepatutnya MARA atau Perbadanan lain masuk beli saham sebagai tolong beri modal supaya mereka dapat mengendalikan usaha-usaha ini dengan lebih berjaya walaupun dari segi beli saham ini pendapatannya lebih rendah daripada interest. Ini dengan secara tidak langsung menolong bumiputra untuk menjayakan projeknya. Saya dapati pada masa yang lalu tidak begitu, Tuan Pengerusi, selalu ada pentadingan dengan bumiputra. Saya harap pada masa yang akan datang tidak akan berlaku lagi dan haruslah pihak Perbadanan Kemajuan Negeri dengan dikendalikan oleh Kementerian ini ada kerjasama dengan Dewan-dewan Perniagaan. Sekarang selalu bercanggah antara Dewan Perniagaan, khasnya Dewan Perniagaan Melayu ataupun pertubuhan-pertubuhan yang menjalankan perniagaan bumiputra bercanggah dengan pegawai-pegawai dalam Perbadanan. Ini selalu benar berlaku dan ini tidak menyenangkan dan saya rasa harus rintihan ini dapat perhatian daripada Yang Berhormat Menteri supaya ada koordinasi di antara pihak bumiputra dan persatuan-persatuan bumiputra dan juga Perbadanan Kerajaan untuk sama-sama memajukan bidang perniagaan bumiputra.

Selain daripada itu, saya ingin mengingatkan iaitu pembangunan-pembangunan yang dikendalikan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri haruslah diselaraskan dengan daerah-daerah yang lain juga, jangan hanya menumpukan di pusat bandar sahaja, misalnya, kalau di Trengganu hanya di Kuala Trengganu sahaja, kalau di Kelantan di Kota

Bharu sahaja. Ini tidak menyenangkan dan harus diperhatikan kepada daerah-daerah yang kecil kerana daerah-daerah ini pun hendak membangun juga, Tuan Pengerusi, di mana harus dibangunkan oleh pihak Perbadanan Kemajuan Negeri kerana rakyat di sekitar daerah-daerah ini mengambil perhatian yang berat kepada membangunkan daerah masing-masing.

Saya beralih kepada Pecahan-kepala 4 UDA. Sekarang UDA menjalankan projek di dalam bandar besar dan di bandar kecil. Bandar besar dikendalikan oleh UDA sendiri dan bandar-bandar kecil dikendalikan oleh PERUDA. Ini baik, cuma saya hendak mengingatkan iaitu di dalam bandar-bandar besar seperti Bandar Kuala Lumpur, Bandar Pulau Pinang dan sebagainya memang sewajarnya rancangan-rancangan pembangunan harus dilakukan oleh UDA untuk membolehkan bumiputra mengambil tempat-tempat yang strategi dalam bidang perniagaan. Ini memang baik, apatah lagi kalau untuk membangunkan bangunan-bangunan yang indah di mana bumiputra dapat duduk di dalamnya walaupun dengan menyewa ataupun beli. Tetapi berkenaan dengan negeri-negeri walaupun ada rancangan dijalankan dengan nama PERUDA (UDA dengan Perbadanan Kemajuan Negeri) tetapi ini janganlah menghalang daripada UDA berkongsi dengan bumiputra yang lain walaupun rancangan UDA ada dengan Perbadanan Negeri (PERUDA) ada. Seperti kalau ada bumiputra yang hendak membangunkan tanahnya dan sebagainya haruslah UDA memberi sokongan. Jadi jangan sebab antara gajah sama gajah berkongsi maka pelandok tidak boleh mendapat untung sama. Ini kurang elok. Saya harap janganlah buat begitu.

Berkenaan dengan Pecahan-kepala (6) MARA. Saya mengucapkan terima kasih kepada MARA atas kejayaannya walaupun kadang-kadang kita lupa ucapkan terima kasih. Apa yang kita sebok ini ialah yang tidak berjaya iaitu berkenaan dengan kenderaan. Banyak kenderaan-kenderaan ataupun bas-bas MARA diserahkan kepada bumiputra dengan nama syarikat-syarikat bumiputra yang bermacam-macam namanya. Saya nampak banyak yang hampir gagal, lemah, tidak boleh beli spare part kerana kebetulan nasibnya ialah bas-bas ini berjalan di kawasan luar bandar yang jalannya kurang elok. Jadi terpaksa bas ini menjalani

kerosakan. Saya harap pihak MARA harus mengambil perhatian dalam hal ini supaya kalau boleh nasihat harus diberi ataupun penanaman modal MARA harus diwujudkan semula untuk menguatkan syarikat-syarikat bumiputra ini. Saya nampak banyak yang telah tidak kuat. Kalau dahulu ada 10 buah bas, sekarang sudah tinggal 5 sahaja sebab tidak boleh beli spare part dan macam-macam cerita lagi Tuan Pengerusi. Kalau kita hendak salahkan dalam mana-mana mesyuarat pun tidak sedap juga kerana bumiputra ini tidak ada modal. Bank pun tidak mahu beri pinjaman lagi. Sebaik-baiknya MARA perhatikan segala cawangannya yang telah diberi pinjaman dahulu. Sekarang ini cuba perhatikan apa keadaannya, banyak yang teruk. Saya berharap pihak Yang Berhormat Menteri perhatikan hal ini supaya syarikat bumiputra ini boleh hidup dengan keadaan yang menguntungkan.

Yang kedua, berkenaan dengan kenderaan ini haruslah

Tuan Pengerusi: Begini panjang baru yang kedua!

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Pengerusi, saya minta Kenderaan MARA ini biarlah benar-benar berjaya. Biarlah cerita lama itu kita habiskan. Saya tidak mahu menyebut tentang cerita lama, sekarang cerita baru, samada Lori Malaysia atau apa sekalipun. Ini semua dikendalikan oleh MARA. Yang ada sekarang, saya mahu supaya kita boleh berjaya. Kerana, orang lain ada satu lori trailer, boleh pakai kereta Mercedes. Satu saja, duduk di rumah jadi taukeh. Kita ada 50 lori, tetapi rugi. Jadi ini tidak menyenangkan. Banyak masalah kalau kita hendak ceritakan. Tetapi saya rasa tidak payahlah.

Tuan Pengerusi, berkenaan Khidmat Nasihat dan Pembangunan Enterprais. Sekarang ini saya nampak latihan kepada bumiputra dalam bidang perniagaan walaupun banyak, tetapi tidak mencukupi. Banyak juga diberi latihan kepada belia-belia dan sebagainya. Saya hendak sebutkan ialah mereka yang telahpun berniaga kecil, misalnya yang ada warong, yang ada kereta tolak, yang ada kedai-kedai kecil, harus dilatih oleh MARA, diambil mereka ini. Mereka ini ada asas berniaga. Walaupun kita tidak galakkan mereka, tetapi mereka sudah berniaga, sudah lima enam tahun mereka hidup dapat menyara anak isterinya dengan berniaga, maka orang ini

harus diambil oleh MARA, diajar, dilatih mereka ini supaya mereka dapat memajukan perniagaannya pada masa yang akan datang. Kerana biasanya, yang berjaya itu bukan yang keluar daripada mana-mana institusi, tetapi banyak orang yang naik sedikit-sedikit itu jadi millionaire. Ini harus diambil perhatian lebih oleh pihak Yang Berhormat Menteri dan saya bersetuju langkah yang diambil oleh MARA dengan khidmat Nasihat dan Pembangunan Enterprais untuk melatih bumiputra. Jadi setengah-setengah masalaahnya ialah untuk belanja sara hidup mereka ketika mana latihan diadakan. Misalnya kalau diadakan latihan di Kuala Lumpur terpaksa mengadakan belanja. Jadi siapa yang hendak menanggung perbelanjaannya. Ataupun kalau diadakan di Kuala Trengganu, orang daripada Kemaman, Dungun, hendak berlatih di sana, siapa yang hendak membelanjakannya. Mereka ini berpendapatan kecil. Mereka hanya menjual sayur, buah-buahan dan sebagainya. Jadi harus MARA mengambil perhatian untuk memberi sara hidup dan sebagainya.

Pada akhirnya, saya menyokong peruntukan Kementerian ini.

6.53 ptg.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar (Batu Pahat): Tuan Pengerusi, saya juga berdiri untuk sama-sama mengambil bahagian dalam membahaskan peruntukan bagi Kementerian Perusahaan Awam yang telah dibentangkan oleh Menteri yang berkenaan sebentar tadi. Dan saya ingin menyentuh berkenaan dengan Kepala P. 37, Pecahan-kepala 7—FIMA, muka surat 265.

Kita telah mendengar rancangan-rancangan yang akan dijalankan oleh FIMA, seperti-mana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi dan saya berharap rancangan itu akan berjalan dengan baiknya.

Tuan Pengerusi, apa yang saya hendak sentuh dalam bahagian ini ialah mengenai dengan kedudukan Kilang Nenas Kebangsaan Kedua di Pulau Sebatang, Pontian yang telah ditutup sekian lama di mana rakyat setempat pada masa beberapa tahun yang lalu iaitu pada masa kilang ini hendak didirikan menggantikan harapan mereka terutamanya penanam nenas dan mereka sedar bahawa wang Kerajaan bererti wang mereka, wang rakyat yang pada peringkat permulaannya

untuk hendak menubuhkan kilang, kalau saya tidak salah berjumlah lebih daripada \$7 juta dan ditambah selepas itu. Mereka mengharapkan selain daripada dapat menampung buah-buah nenas yang mereka tanam, mereka juga dapat peluang pekerjaan bagi anak-anak mereka di samping sebagai satu usaha pembangunan yang mereka mengharapkan kawasan itu menjadi satu bandar baharu. Tetapi malangnya, kilang nenas yanguduknya di tengah-tengah kebun nenas itu terpaksa ditutup. Hendak dikatakan rugi, ini tentulah perkara biasa, kerana berniaga ada untung dan ada rugi. Tetapi kilang-kilang swasta yang berdekatan dengan kilang ini dapat berjalan dengan baik. Dan pada masa yang sama juga sebuah kilang swasta, kilang nenas maksud saya, telahpun ditubuhkan di Kayu Ara Pasong yang lebih kurang lima atau enam batu daripada kilang yang tersebut. Mereka mengharapkan supaya kilang ini dapat dibuka semula.

Mereka juga sedar kesulitan-kesulitan yang telah ditempuh oleh kilang ini. Mereka mengharapkan sekiranya kilang ini tak dapat dibuka semula dengan sebab-sebab yang tertentu terutamanya barangkali kerana kerugian dan sebagainya, dan sekiranya ada badan-badan yang tertentu untuk mengelolakan kilang ini diserahkan sahaja pengelolannya. Mereka dapat tahu Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor sedia menerima atau menjalankan perusahaan ini sekiranya pihak FIMA tidak sanggup hendak menjalankannya. Mereka sedar satu daripadanya sebabnya kerana kekurangan bahan nenas. Tetapi setelah Yunit Tanaman Semula Nenas dijalankan, saya rasa keadaan ini dapat diperbaiki dan kilang ini boleh juga memproses atau mengeting buah-buahan yang lain daripada nenas. Dan bagi hendak menentukan untuk mendapatkan bahan nenas atau buah-buahan yang cukup untuk diproses di kilang ini, kilang ini patut mengadakan estetnya sendiri untuk menentukan bahan-bahan atau buah-buah selain daripada nenas untuk diproses. Ini juga memberi peluang kepada anak-anak mereka ataupun penduduk-penduduk tempatan mendapatkan pekerjaan.

Setengah-setengah mereka sedar dan tahu sebab-sebab kilang ini ditutup. Dan setengah-setengahnya menyuarakan bahawa kerajaan patut mengadakan satu Jawatankuasa untuk menyiasat kedudukan kilang ini daripada mula dibuka dan seperti yang saya katakan

tadi, mereka menganggap kilang itu kilang mereka, wang mereka, wang rakyat; sekurang-kurangnya mereka patut tahu kenapa kilang ini tidak dapat berjalan dengan betul. Sedangkan kilang-kilang yang lain yang sama bentuknya dapat berjalan dengan baik. Dan dengan ini dapatlah mengembalikan semula kepercayaan rakyat khususnya penanam nenas di kawasan yang tersebut yang saya katakan tadi.

Dalam perkara ini

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup. Jawatankuasa akan menyambung lagi perbincangan di bawah Kementerian Perusahaan Awam bila disambung pada 6hb Disember, 1976 nanti. Dan setelah selesai Kementerian

Perusahaan Awam, Jawatankuasa akan menimbangankan Anggaran Perbelanjaan bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Anggaran Perbelanjaan bagi Kementerian Kesihatan akan ditangguhkan untuk dibincangkan kepada satu tarikh yang lain atas permintaan Yang Berhormat Menteri sendiri.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari Isnin, 6hb Disember, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.